

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN DAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

(SB)
546

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA
2009**


TARIKH :

23 FEBRUARI 2009 – ²⁶~~06~~ FEBRUARI 2009





PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI ISNIN: 23 FEBRUARI 2009

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 13 HINGGA 78)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 12

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT KEDUABELAS, MESYUARAT PERTAMA,
PENGAL KEDUA**

PERTANYAAN : Jawab Lisan
DARIPADA : Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing
 @ Wilfred (Tuaran)
TARIKH : Isnin, 23 Februari 2009
SOALAN : Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing
 (No. 13 PN-1213- : @ Wilfred (Tuaran) minta **MENTERI LUAR**
 L6696) **NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan terus
 membayar kepada pihak keturunan Sultan
 Sulu wang sebanyak RM 5,300.00 atau ada
 rancangan untuk menyelesaikan secara
 muktamad perkara tersebut dengan pihak yang
 berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB (Tuaran) ke atas soalan yang dikemukakan dan keprihatinan YB terhadap isu ini.

2. Ingin saya jelaskan di sini bahawa memang benar Kerajaan masih terus membayar wang serahan (cession money) sebanyak RM 5,300.00 kepada pewaris Kesultanan Sulu.

3. Ini adalah berasaskan Perjanjian British East India Company dan Sultan Sulu pada tahun 1878 dan Penghakiman McKaskie yang dihakamkan di Mahkamah North Borneo pada tahun 1939.

4. Bagaimanapun perlu ditegaskan di sini bahawa penghakiman tersebut adalah penghakiman sivil semata-mata dan sama sekali tidak menjejaskan atau mengancam kedaulatan Sabah dalam Persekutuan Malaysia dan tidak ada apa-apa yang perlu diselesaikan berkaitan isu ini.

No = 14

SJ.B/(28)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN
ENDUT (KUALA TERENGGANU)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **23.02.2009** **SOALAN NO: 14**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti petroleum oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk tempoh 2000 hingga 2008. Sila nyatakan nama projek berkenaan dan di mana perbelanjaan itu dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2008 adalah sebanyak RM14.16 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM6.21 bilion disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan RM6.27 bilion kepada kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek di Negeri Terengganu. Antaranya ialah Projek Pembangunan Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man, Projek Pembangunan Semula Pulau Duyong, Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa II, Projek Menaik Taraf

Lapangan Terbang Kuala Terengganu, Program Pendidikan Terengganu Terbilang dan projek-projek pembinaan jalan/jambatan.

2. Baki sebanyak RM1.68 juta iaitu sebanyak RM873.4 juta digunakan untuk membiayai Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dan sebanyak RM803.8 juta digunakan untuk program membasmi kemiskinan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
TARIKH : 23 FEBRUARI 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.15

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memantau pelajar-pelajar yang mendapat tawaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya dari kawasan pedalaman di Sabah bagi menampung kos penerbangan ke Semenanjung ataupun Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kerajaan tidak menyediakan peruntukan kos penerbangan bagi pelajar baru dari kawasan pedalaman Sabah yang akan mendaftar di IPTA. Walau bagaimanapun, Wang Pendahuluan Pembiayaan Pendidikan (WPP) PTPTN sebanyak RM1,500 akan diberi kepada semua pelajar yang ditawarkan tempat ke IPTA tertakluk kepada syarat tertentu antaranya pendapatan keluarga pelajar tersebut kurang daripada RM3,000 sebulan. Wang pendahuluan ini boleh digunakan untuk membeli tiket

penerbangan atau peralatan lain yang diperlukan bagi tujuan mendaftar di IPTA.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**Daripada : Y.B. TUAN DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[Hulu Langat]**

Tarikh : 23 Februari 2009

Soalan : 16

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilangan kilang amang yang masih beroperasi dan kilang baru yang akan beroperasi. Adakah Kementerian meletakkan syarat-syarat ketat terutama dari segi pelupusan sisa radioaktif dan sumbangan wajib sebanyak 1% dari keuntungan mereka untuk tabung R&D sebagaimana syarat yang dikenakan kepada IPP.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 12 kilang amang yang masih beroperasi dan berdaftar dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) di bawah Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) 1994,

dan tiada sebarang permohonan daripada kilang amang baru untuk didaftarkan setakat ini.

Bagi aktiviti kilang amang ini, Kementerian meletakkan syarat-syarat yang selari dengan standard antarabangsa terutama dari segi pengurusan serta pelupusan sisa radioaktif. Kementerian juga tidak menetapkan sumbangan wajib sebanyak 1% dari keuntungan mereka untuk tabung R&D.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI)

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Program Satu Daerah Satu Industri diperluaskan di negeri Sarawak. Jika tidak, kenapa? Jika ya, nyatakan aktiviti, jumlah peruntukan dan hasil kutipannya oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN: YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Di-Pertua,

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) bertindak sebagai penyelaras utama bagi Program Satu Daerah Satu Industri SDSI. Negeri Sarawak juga melaksanakan Program SDSI.

Negeri Sarawak telah melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan SDSI di antaranya ialah seperti berikut:-

- (i) Kursus Pembungkusan Produk;**
- (ii) Dialog Usahawan, Promosi Produk Usahawan dan Program Latihan/Kursus;**
- (iii) Pembangunan Produk SDSI, Program Promosi dan Pemasaran Produk SDSI; dan**
- (iv) Bengkel Keusahawanan dan Seminar Keusahawanan Belia Mukah.**

Dari segi peruntukan, untuk tahun 2009, Sarawak telah diperuntukan sejumlah RM1.1 juta. Kerajaan tidak mengutip apa-apa hasil daripada SDSI sebaliknya kerajaan menyalurkan peruntukan untuk meningkatkan keupayaan dari segi latihan dan pengeluaran barangan usahawan luar bandar termasuk pembungkusan, promosi dan pasaran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)
TARIKH : 23.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah statistik graduan yang mempunyai kelulusan kejuruteraan dan sains industri memohon ke program KPLI dan adakah pihak Kerajaan merasakan kemasukan para graduan jurutera dan graduan sains industri ke program KPLI merupakan satu kerugian dan merupakan Brain Drain dalam negara. Adakah para graduan jurutera ini tidak mendapat tempat langsung dalam industri di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan bilangan calon yang memohon Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Ambilan Januari 2009, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerima sejumlah 6,773 permohonan dari kalangan mereka yang mempunyai ijazah bidang kejuruteraan dan sains. Terdapat pemohon di kalangan graduan jurutera dan sains industri yang sedang bekerja tetap sebagai jurutera tetapi berminat untuk menjadi guru. Perkara ini dikenalpasti semasa temuduga yang dilaksanakan oleh KPM semasa proses pemilihan calon guru.

Kemasukan para graduan ini tidak dilihat sebagai satu kerugian kerana kebanyakan mereka dilantik sebagai guru yang mengajar bidang-bidang seperti Matematik, Sains dan Kemahiran Hidup di sekolah. Guru-guru yang mempunyai

pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang kejuruteraan dan sains industri sebenarnya memberikan nilai tambah kepada pelajar kerana mereka dapat berkongsi pengetahuan dan kemahiran bersama murid di sekolah.

Rjm 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)
TARIKH : 23.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa golongan pendidik atau guru-guru sekolah di negara ini terlalu banyak dibebani dengan tugas-tugas perkeranian dan ini memberi kesan negatif terhadap proses pembelajaran dan pada masa yang sama boleh menurunkan prestasi perkhidmatan mereka, contohnya sewaktu pembukaan sekolah guru-guru diarahkan menjalankan kerja-kerja mengutip yuran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar dan sentiasa prihatin terhadap aspek kebajikan dan beban tugas guru-guru di sekolah. Justeru itu, bagi membantu meringankan beban tugas guru seperti melaksanakan tugas-tugas perkeranian, KPM telah mengambil langkah-langkah mengkaji semula norma tugas guru dan norma perjawatan bukan guru. KPM telah menambahbaik norma perjawatan bukan guru seperti Pembantu Tadbir (Pengkeranian), Pembantu Tadbir Rendah, Pembantu Pengurusan Murid, Juruteknik, Juruteknik Komputer, Pembantu Am Pejabat, Penyelia Asrama dan Pembantu Makmal. Penambahbaikan ini bertujuan bagi mengambil alih tugas-tugas di luar norma guru yang telah dilakukan oleh guru-guru sebelum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada usaha ini, sebanyak **5,521 jawatan bukan guru** telah diluluskan bagi tahun 2008 dan sebanyak **6,898 jawatan tambahan** Anggota Kakitangan Sokongan (AKS) di Sekolah Harian dan Sekolah Menengah Harian telah diluluskan dalam ABM 2009 dan mulai berkuatkuasa pada 1 Januari 2009.

Rjm 21

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEW

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yew [Tanjong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengkaji sebuah Pelan Induk Alam Sekitar untuk Taman Negara Pulau Pinang dengan memastikan segala pembangunan pengurusan Taman Negara mengikut Akta Taman Negara 1980 (Akta 226).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan satu Pelan Pengurusan Taman Negara Pulau Pinang pada tahun 2005. Ini adalah satu Pelan komprehensif yang digunakan sebagai panduan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk membangun dan menguruskan kawasan tersebut. Pelan ini memberi penekanan kepada dua prinsip iaitu, konservasi alam sekitar dan pembangunan secara lestari selaras dengan kehendak Akta Taman Negara 1980 (Akta 226).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1496

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat mana 125 syor Laporan Suruhanjaya Diraja dilaksanakan, keadaan pengambilan rekrut untuk mencapai 150,000 anggota, semangat PDRM dan penerimaan rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kepong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menggariskan sebanyak 125 cadangan penambahbaikan. Sehingga kini sebanyak 112 cadangan atau 89.6% telah dilaksanakan dan dalam pelaksanaan. Manakala 11 cadangan atau 8.8% lagi dalam kajian lanjut lima (5) Jawatankuasa Kecil dan selebihnya adalah tidak dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah bersetuju untuk penambahan sejumlah 60,000 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga 2012. Urusan pengambilan telah dilaksanakan mulai tahun 2007 dan sasaran adalah seramai 1,000 Inspektor dan 9,000 Konstabel setahun.

Walaupun bagaimanapun setiap pelaksanaan pengambilan ini bergantung kepada kemampuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menyediakan prasarana Pusat Latihan Polis (PULAPOL) bagi menampung jumlah tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Moral dan semangat (*spirit*) di kalangan pegawai / anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah tinggi memandangkan Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaiki skim perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sementara itu, langkah-langkah telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menambahbaik kualiti perkhidmatannya kepada masyarakat melalui Pelan Strategik 5 Tahun (PS5T).

No: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD. RAHMAN
TARIKH : 11 MAC 2009

SOALAN NO. 22:

Puan Norah binti Abd. Rahman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menukarkan nama rasmi 'mat rempit' yang telah diberikan 'glamor' kepada 'nyamuk', 'kelekatu' ataupun 'lipas' untuk menghilangkan dan menurunkan 'glamor' terhadap aktiviti ini.

JAWAPAN :

Istilah 'Mat Rempit' bukanlah merupakan istilah rasmi yang diberikan oleh kerajaan kepada kumpulan penunggang motorsikal yang berlumba secara haram. Sebaliknya istilah ini mula kedengaran pada awal tahun 2005 yang lepas dan seterusnya menjadi 'popular' kerana mendapat perhatian dan liputan yang meluas daripada seluruh ahli masyarakat serta media massa sehingga menjadi tajuk kepada filem dan drama tertentu.

Kementerian berpandangan tidak terdapat keperluan bagi memperkenalkan istilah tertentu kepada kelompok pelumba haram bermotorsikal ini kerana pada masa ini hasil pemerhatian yang dilaksanakan didapati bahawa istilah 'mat rempit' itu sendiri telah

memberikan konotasi makna yang negatif dan tidaklah 'glamor' kepada ahli masyarakat.

Walau bagaimanapun yang paling penting kepada kementerian dan kerajaan adalah perencanaan dan pelaksanaan usaha-usaha yang berterusan bagi membanteras gejala lumba haram ini. Bagi tujuan tersebut kementerian telah dan akan melaksanakan pelbagai program bagi mendampingi golongan ini. Antara program yang dilaksanakan ialah:

- i. Penubuhan Cawangan Sukan Bermotor di Bahagian Pembangunan Sukan, KBS. Cawangan ini bertanggungjawab melaksanakan program-program yang menjurus kepada aktiviti bermotor dan gaya hidup sihat.

- ii. Program Dataran Belia : Belia Bermotor bertempat di Kompleks Sukan Bukit Jalil

NW: 23

SJ.B/(30)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN (AMPANG)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **23.02.2009** **SOALAN NO: 23**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan :-**

(a) berapakah saiz modal Bursa Malaysia; dan

(b) nyatakan di tangga ke berapakah saiz modal pasaran Bursa
Malaysia berbanding dengan bursa negara lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, saiz modal Bursa Malaysia sehingga 11 Februari 2009 adalah sebanyak RM262,951,325. Pada tahun 2008 Malaysia berada pada kedudukan kedua bagi Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan jumlah modal sebanyak USD 189 bilion berbanding kedudukan keempat pada tahun 2007 dengan jumlah modal sebanyak USD 103 bilion. Manakala

perbandingan di antara negara-negara Asia Pasifik pula, Bursa Malaysia berada di kedudukan kesepuluh pada tahun 2008 dengan jumlah modal sebanyak USD 189 bilion dan di kedudukan yang sama pada tahun 2007 dengan jumlah modal sebanyak USD 325 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN 24

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB Dato' Shamsul Anuar Bin Nasarah
(Lenggong)**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

**SOALAN : YB Dato' Shamsul Anuar Bin Nasarah
[Lenggong] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah usaha dan strategi
menonjolkan imej Malaysia dalam
menyediakan pasukan bantuan bencana atau
kemanusiaan di peringkat antarabangsa dan
berapakah jumlah bantuan yang disalurkan
oleh Malaysia melalui dana yang dikumpulkan
oleh pelbagai NGO dan sektor Swasta dalam
membantu rakyat Palestin.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Lenggong di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Di antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia setakat ini ialah menghantar pasukan bantuan bencana kemanusiaan antarabangsa. Setakat 29 Januari 2009 misalnya terdapat 8 NGO yang diketuai oleh MERCY dan beberapa NGO lain seperti Yayasan Salam, Aman Malaysia, Muslim Care Malaysia, Global Peace Mission yang berkhidmat di Gaza untuk membantu penduduk Gaza dalam bentuk Humanitarian Relief. Semasa Taufan Nargis melanda Burma, Tsunami di Aceh dan gempa bumi di Szechuan China, beberapa NGO Malaysia juga telah dihantar ke tempat krisis dan ini sedikit sebanyak meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

3. Berkaitan dengan sumbangan kepada penduduk Gaza, Palestin, setakat 30 Januari 2009, jumlah dana yang diterima dan terkumpul di dalam Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Kementerian Luar adalah berjumlah RM 697, 703.65

4. Di samping dana yang sudah diterima di atas, dua sumbangan besar yang telah diserahkan adalah:

- a. RM 10.7 juta – Hasil kutipan Malam Amal Atas Nama Kemanusiaan
- b. RM 2.7 juta – Hasil kutipan oleh masjid-masjid di seluruh negara anjuran JAKIM

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

TARIKH: 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [Seremban] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dirancang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan amnya dan pihak Kementerian khususnya bagi menangani masalah pekerja yang diberhentikan kerja akibat daripada kelembapan ekonomi yang melanda dunia kini.

PR-1221-L17211

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Krisis ekonomi yang melanda dunia sekarang telah memberi kesan kepada banyak negara dan Malaysia tidak terkecuali daripada bahang tersebut, terutama dalam sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Bagi tahun 2009, seramai 40,000 hingga 58,000 pekerja dijangka akan diberhentikan. Jangkaan ini bergantung kepada senario ekonomi global terutama Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam menangani krisis ini, saya berpandangan semua pihak perlu berkerjasama dan memainkan peranan masing-masing bagi mengurangkan impak ke tahap yang minimum. Kementerian saya sentiasa terbuka dan mengalu-alukan sebarang pandangan bernas dan konstruktif untuk menangani cabaran ini demi kesejahteraan rakyat.

Langkah-langkah yang sedang dirancang dan akan diambil bagi menangani krisis ini adalah seperti berikut:-

i) Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terutamanya terhadap pekerja yang diberhentikan. Pihak majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan perlu menyumbang idea yang bernas untuk mengelakkan pemberhentian dan pengangguran. Perbincangan dan maklum balas yang diterima amat berfaedah dalam membantu menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemberhentian.

ii) Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara telah ditubuhkan bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan kepada rakyat. Sebahagian daripada tugas Bilik Operasi adalah seperti :-

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan yang ada di dalam negara;
- membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru;
- Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- Membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian dan.

- Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

iii) Melaksanakan program latihan semula dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Untuk program ini Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta dan setiap peserta akan diberi elaun sara diri RM500 sebulan.

iv) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*temporary lay-off*), mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensi yang lain supaya mereka yang jatuh di bawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja diberi bantuan ehsan.

Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di sektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana Dewan Konvensyen di Putrajaya dapat mengadakan aktiviti-aktiviti tertentu memandangkan ianya kurang diguna pakai.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) adalah bertujuan untuk menyediakan satu kemudahan pusat konvensyen yang bertaraf antarabangsa kepada penganjur-penganjur serta menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi Putrajaya dan negara amnya.

lanya telah mula beroperasi pada bulan Oktober tahun 2003. Di peringkat awal operasinya sambutan kurang menggalakkan. Walau bagaimanapun, penggunaannya telah meningkat dari tahun ke tahun dengan adanya beberapa langkah seperti berikut:

- i. Menggalakkan agensi-agensi Kerajaan menggunakan kemudahan di PICC ini dalam penganjuran Majlis-majlis rasmi Kerajaan;
- ii. Melaksanakan **perkongsian pintar (*smart partnership*)** dengan hotel-hotel di sekitar Putrajaya bagi sama-sama memasarkan PICC sebagai destinasi penganjuran Majlis;
- iii. Promosi dan pengiklanan dalam majalah-majalah dan media-media terpilih;
- iv. Penglibatan promosi bersama Kementerian Pelancongan di dalam dan luar negara di antaranya *Asia Pacific Incentives & Meeting Expo, Global Meet Malaysia dan The 18th Forum*; dan

- v. Melaksanakan konsep lawatan berjadual dan tidak berjadual kepada orang ramai yang mengunjungi PICC.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil usaha dan strategi ini, pada tahun 2008, PICC telah berjaya menjadi tempat persidangan untuk **476 majlis** dengan penjanaaan pendapatan keseluruhan sebanyak **RM12.75 juta**. Secara puratanya bagi sepanjang tahun 2008, terdapat sekurang-kurangnya satu acara/majlis yang telah dijalankan di PICC pada setiap hari.

PICC juga telah mencatatkan kehadiran seramai **420,000 orang pengunjung dalam tahun 2008**. Pengunjung-pengunjung ini merupakan peserta yang hadir bagi majlis-majlis di PICC yang merangkumi mesyuarat, persidangan, konvensyen di samping pelawat-pelawat yang terdiri daripada murid-murid sekolah, penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi, agensi-agensi Kerajaan dan swasta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dr. P Ramasamy a/l Palanisamy
(Batu Kawan)**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009 (Isnin)

SOALAN : 27

Dr. P Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah cadangan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangi bilangan kakitangan di sektor awam mengikut kaum, kualiti, jantina dan juga golongan Orang Kurang Upaya.

JAWAPAN:

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan salah satu daripada Pihak Berkuasa Melantik untuk memasuki perkhidmatan awam. Selain daripada SPA, terdapat pihak berkuasa melantik yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan

Polis, Majlis Angkatan Tentera, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri.

Dalam melaksanakan urusan pengambilan dengan jumlah permohonan yang banyak, SPA menggunakan kaedah penyenaraian pendek bagi mendapatkan bilangan calon yang sesuai untuk dipanggil temu duga. Kriteria penyenaraian pendek yang biasanya digunakan adalah berdasarkan keputusan peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Diploma dan Ijazah. Bagi peringkat diploma dan ijazah, kriteria penyenaraian pendek yang digunakan ialah Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan dan keperluan Kementerian atau Jabatan.

KAUM

Dalam melaksanakan urusan pengambilan, SPA tidak menggunakan faktor kaum sebagai asas penyenaraian pendek untuk dipanggil temu duga.

Calon-calon yang dipanggil untuk ditemu duga adalah terdiri daripada mereka yang telah melepasi kriteria penyenaraian pendek yang ditetapkan berdasarkan kelayakan akademik dan bidang pengajian mengikut kesesuaian jawatan dan keperluan pihak Kementerian dan Jabatan. Penyenaraian pendek ini dibuat bagi mendapatkan calon yang

terbaik dan bilangan calon yang bersesuaian untuk dipanggil temu duga berdasarkan kekosongan jawatan yang dilaporkan kepada SPA.

Prestasi calon dinilai semasa dalam sesi temu duga dan hanya calon yang terbaik sahaja akan ditawarkan sesuatu jawatan. Pelantikan ke sesuatu jawatan adalah berdasarkan merit dan bukannya berdasarkan kepada kuota sesuatu kaum tertentu.

KUALITI

Selain daripada kelayakan akademik yang diambil kira dalam urusan sesuatu pengambilan, SPA juga sentiasa menitik beratkan aspek kualiti seseorang calon semasa urusan pengambilan dijalankan. Sebagai contoh, bagi memilih calon-calon yang akan menjalani latihan separa perubatan (termasuk Jururawat), calon-calon perlu menduduki peperiksaan khas di mana terdapat komponen dalam peperiksaan tersebut yang menilai sahsiah dan minat calon-calon yang bakal di temu duga.

SPA juga mewajibkan calon-calon yang memohon jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 (PTD), Kaunselor Gred S41, Pegawai Arkib Gred S41, Pegawai Tadbir Gred N41, Penguasa Kastam Gred W41, Penguasa Bomba Gred KB41, Pegawai Siasatan Gred KR41, Penguasa Penjara Gred KX41, Pegawai Penerangan Gred S41, Pegawai Penguatkuasa Gred N41, Pegawai Keselamatan Gred KP41, Pegawai Belia dan Sukan Gred S41, Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41,

Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41 dan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 dikehendaki lulus dalam peperiksaan khas yang diadakan sebelum dipanggil temu duga. Hanya pegawai yang lulus dalam peperiksaan ini sahaja akan layak untuk dipanggil temu duga.

Bagi calon yang memohon jawatan PTD, calon yang telah lulus peperiksaan khas tersebut pula akan dipanggil untuk menjalani *Program Assessment Centre* bagi melihat kesesuaian calon menjawat jawatan PTD. Kaedah ini akan diperluaskan meliputi beberapa skim lain seperti Akauntan Gred W41 dan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41.

JANTINA

SPA tidak menggunakan faktor jantina sebagai asas dalam proses penyenaraian pendek calon untuk dipanggil temu duga. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permintaan daripada pihak Kementerian dan Jabatan yang memerlukan faktor jantina diambil kira berikutan keperluan dan kesuaian tugas yang akan dijalankan seperti yang melibatkan penguatkuasa dan sebagainya, SPA boleh mempertimbangkannya.

OKU

Di dalam melaksanakan urusan pengambilan penjawat awam, SPA juga mengambil kira dasar Kerajaan yang menggalakkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) turut menyumbang dalam pembangunan negara.

melalui penyertaan mereka dalam sektor awam. Sehubungan dengan itu, SPA tidak mengenakan syarat yang ketat kepada OKU sebagaimana yang dikenakan kepada calon-calon lain seperti keputusan peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Diploma dan Ijazah. Bagi peringkat diploma dan ijazah, tapisan yang digunakan ialah Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan dengan syarat kelayakan calon OKU tersebut memenuhi syarat skim yang ditetapkan.

Keistimewaan yang diberikan ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1998 yang mengkehendaki supaya sekurang-kurangnya 1% daripada peluang pekerjaan di sektor awam diperuntukkan kepada warga OKU.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK CHUA SOON BUI**
(TAWAU)
TARIKH : **23.02.2009**

SOALAN:

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) senarai Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina di negeri Sabah yang akan diberi peruntukan Bantuan Modal dan jumlah peruntukan bagi setiap sekolah; dan
- (b) apakah kriteria yang digunakan untuk menjustifikasikan jumlah peruntukan bagi setiap sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Selain daripada dana sebanyak RM100 juta yang disediakan dalam RMKe-9 sebagai membantu sekolah-sekolah bantuan kerajaan, KPM juga menerima peruntukan dari pelbagai sumber untuk pembangunan sekolah-sekolah tersebut seperti melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, peruntukan khas pilihan raya dan pelbagai agensi bukan kerajaan.

Di samping itu, KPM juga menyediakan Pelan Tindakan Memantapkan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi tujuan membangunkan sekolah bantuan kerajaan. Sebagai langkah permulaan, KPM telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan mengenai pelan tindakan yang telah dirancang untuk membangunkan sekolah-sekolah tersebut. Usaha-usaha yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk memastikan tanggapan sesetengah pihak bahawa Kerajaan meminggirkan sekolah bantuan kerajaan adalah tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada awal tahun 2009 ini, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada semua kategori Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan *Mission School* di mana setiap kategori sekolah berkenaan menerima peruntukan berjumlah RM50 juta. Bantuan kewangan tersebut adalah di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009 di mana peruntukan tersebut akan digunakan untuk tujuan pembaikan kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah).

Bagi SJKC di negeri Sabah, jumlah bantuan yang disalurkan adalah bagi membiayai projek di 23 buah SJKC melibatkan peruntukan sebanyak RM4.97 juta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)**

TARIKH : 23.02.2009

SOALAN :

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah hasil kajian / dapatan beban tugas guru yang di buat tahun 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar dan sentiasa prihatin terhadap aspek kebajikan dan beban tugas guru-guru di sekolah. Sehubungan itu, KPM telah menjalankan Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru pada tahun 2007 berdasarkan aspek-aspek tugas dan tanggungjawab guru:

- i. Waktu bekerja guru;
- ii. Penempatan dan pertukaran guru;
- iii. Kurikulum dan pentaksiran;
- iv. Aktiviti kokurikulum;
- v. Latihan guru;
- vi. Saiz kelas dan saiz sekolah;
- vii. Persekitaran kerja dan kebajikan guru;
- viii. Tugas rencam; dan
- ix. Struktur organisasi dan sistem penyampaian.

Kajian tersebut telah mencadangkan sebanyak 39 perakuan berdasarkan kajian yang telah dijalankan.

Hasil daripada kajian tersebut, beberapa langkah telah dan sedang dilakukan oleh KPM untuk membantu meringankan beban tugas guru seperti melaksanakan tugas-tugas perkeranian, KPM telah mengambil langkah-langkah mengkaji semula norma tugas guru dan norma perjawatan bukan guru. KPM telah menambah baik norma perjawatan bukan guru seperti Pembantu Tadbir (Pengkeranian), Pembantu Tadbir Rendah, Pembantu Pengurusan Murid, Juruteknik, Juruteknik Komputer, Pembantu Am Pejabat, Penyelia Asrama dan Pembantu Makmal. Penambahbaikan ini bertujuan bagi mengambil alih tugas-tugas di luar norma guru yang telah dilakukan oleh guru-guru sebelum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada usaha ini, sebanyak **5,521 jawatan bukan guru** telah diluluskan bagi tahun 2008 dan sebanyak **6,898 jawatan tambahan** Anggota Kakitangan Sokongan (AKS) di Sekolah Harian dan Sekolah Menengah Harian telah diluluskan dalam ABM 2009 dan mulai berkuatkuasa pada 1 Januari 2009.

SOALAN NO.: 30

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN :

**Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah
yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran
dan juga keruntuhan tebing sungai bagi sungai-sungai di seluruh
negara.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah pencemaran dan keruntuhan tebing sungai. Langkah pencegahan bagi mengatasi pencemaran dan keruntuhan adalah melalui penggunaan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dalam rekabentuk sistem saliran pembangunan perumahan yang menekankan kawalan pencemaran di punca, di samping penguatkuasaan undang-undang oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Bagi langkah-langkah pemulihan, pihak JPS melaksanakan projek-projek pemulihan sungai-sungai yang tercemar seperti Sungai Pinang, Sungai Segget, Sungai Juru, Sungai Tebrau dan Sungai Skudai di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dengan peruntukan sebanyak RM 36.8 juta.

Bagi mengatasi masalah hakisan tebing pula, JPS melaksanakan kerja-kerja membaiki tebing-tebing sungai termasuk membaiki alurannya di bawah RMKe-9 dengan peruntukan sebanyak RM103 juta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU].
TARIKH : 23 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1497

SOALAN :

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah syarat-syarat pengambilan pengawal keselamatan warga asing yang dibenarkan untuk menjadi pengawal keselamatan di kawasan perumahan atau di pusat membeli belah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengamalkan dasar berhati-hati dalam membenarkan kemasukan warganegara asing untuk berkhidmat sebagai pengawal keselamatan. Sehubungan dengan itu, **Kementerian telah menetapkan hanya warganegara Nepal yang terdiri dari bekas tentera sahaja yang dibenarkan dibawa masuk untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan.**

Garis Panduan dan Syarat-syarat Pengambilan Bekas Tentera Warganegara Nepal Untuk Bekerja Sebagai Pengawal Keselamatan adalah seperti yang terdapat di dalam Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 2 Tahun 2006. Di antaranya ialah:

- i. pengawal keselamatan warganegara Nepal hendaklah terdiri dari bekas tentera dan memiliki buku/sijil perkhidmatan sebagai bekas tentera;
- ii. calon pengawal keselamatan warganegara Nepal hendaklah mendapatkan visa sebelum dibawa masuk ke Malaysia;

- iii. pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah untuk tempoh selama tiga (3) tahun sahaja. Lanjutan bagi tahun ke 4 dan ke 5 perlu dikemukakan kepada Kementerian untuk pertimbangan;
- iv. pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak dibenarkan bertugas di sasaran-sasaran penting negara;
- v. pengawal keselamatan warganegara Nepal tidak dibenarkan bertugas sebagai pengawal bersenjata (*Armed Security Guard*);
- vi. pengawal keselamatan warganegara Nepal yang diluluskan kepada syarikat yang memohon tidak boleh diserahkan untuk bertugas secara langsung atau tidak langsung dengan syarikat kawalan keselamatan lain;
- vii. syarikat juga tidak dibenarkan menggunakan pengawal keselamatan dari syarikat lain untuk bekerja secara langsung atau tidak langsung di syarikat sendiri;
- viii. pengambilan pengawal adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan biasa Jabatan Imigresen Malaysia; dan
- ix. syarat-syarat lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri selaras

dengan peruntukan di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971.

Selain itu, mulai 1 Oktober 2006, pengawal keselamatan warganegara Nepal dikehendaki menjalani Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Nepal yang dianjurkan oleh Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri dalam tempoh 3 bulan setelah pengawal diambil bekerja.

Namun demikian, adalah ditegaskan di sini bahawa syarikat-syarikat kawalan keselamatan tidak boleh terlalu bergantung kepada tenaga kerja pengawal Nepal (bekas tentera) tetapi hendaklah sentiasa memberikan keutamaan kepada pengawal keselamatan tempatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)
TARIKH : 23.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa pembinaan Sekolah Kebangsaan Lubok Antu, SK San Semanju dan SK Engkilili belum lagi bermula hingga sekarang sedangkan dalam jawapan lisan oleh Allahyarham Datuk Razali Ismail, Timbalan Menteri Pelajaran dahulu mengesahkan bahawa ianya bermula dalam bulan Ogos, 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SK Lubok Antu, SK San Semanju, dan SK Engkili merupakan tiga buah sekolah yang termasuk dalam projek Program Pembinaan, Penaiktarafan dan Pembaikpulihan Sekolah, Asrama dan Rumah Guru di negeri Sarawak. Walaupun projek tersebut dirancang untuk dilaksanakan pada bulan Ogos 2008, namun kelulusan daripada pihak *Sarawak Planning Authority* yang lewat mengakibatkan projek ini dimulakan agak lewat dan dijangka pada Mac 2009.

Nf: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)
TARIKH : 23. 02. 2009
NO. SOALAN : 33

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan
beberapa pasar raya besar (hypermarkets) dibenarkan beroperasi dan apakah syarat-syarat
pembukaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada ketika ini Kementerian hanya mengawalselia pembukaan bagi hypermarket asing sahaja.
Sehingga 15 Januari 2009, terdapat sejumlah 79 hypermarket asing dan 9 hypermarket tempatan
yang beroperasi. Hypermarket-hypermarket asing ini terdiri daripada Carrefour, Giant dan Tesco
manakala hypermarket tempatan ialah Pacific dan Mydin.

Syarat bagi pembukaan sesebuah hypermarket asing adalah seperti berikut:

1. Diperbadankan di Malaysia dibawah Akta Syarikat 1965;
2. Syarat modal minimum RM 50 juta untuk hypermarket dan tambahan RM 10 juta untuk penambahan cawangan;
3. Struktur ekuiti sekurang-kurangnya 30% dipegang oleh bumiputera;
4. Menghantar pelan indikatif kepada KPDNHEP 2 tahun sebelum permohonan dipertimbangkan;
5. Keluasan lantai niaga tidak kurang daripada 5000 meter persegi;
6. menyediakan 50 ruang letak kereta bagi setiap 1000 meter per segi;

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)
TARIKH : 23.02.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang menyebabkan pihak Kementerian melambatkan pemberian kelulusan kepada permohonan pihak Lembaga Pengurusan Sekolah Cina di seluruh negara berhubung dengan permohonan perpindahan sekolah di sesuatu tempat ke sesuatu tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan **sekolah sebagai tempat di mana sepuluh orang atau lebih lazimnya diajar sama ada di dalam satu kelas atau lebih, tetapi tidak termasuk mana-mana tempat yang pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata.** Namun, atas dasar keprihatinan kerajaan terhadap keperluan pendidikan setempat terdapat juga sekolah yang berenrolmen kurang daripada sepuluh (10) orang murid masih dibenarkan untuk beroperasi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti yang berlaku di bandar-bandar besar, sekolah yang mempunyai kurang murid tersebut boleh dipertimbangkan untuk dipindahkan ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi bagi mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi khususnya masalah bilangan murid yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas.

Namun demikian, antara faktor utama yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam proses perpindahan sekolah ialah:

- i. Mendapat persetujuan 100 peratus ibu bapa murid sekolah yang dicadangkan dipindahkan;
- ii. Telah mengenalpasti tapak di tempat baru;
- iii. Tapak yang dikenalpasti adalah bukan rizab pendidikan; dan
- iv. Sekolah sedia ada ditutup beroperasi serta merta setelah sekolah di tapak baru beroperasi.

Nr: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur
Bin Haji Salleh [Kalabakan]**

TARIKH : 23 Februari 2009 (Isnin)

SOALAN : 35

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- a. berapa sebenarnya kos membaiki dan menaik taraf kemudahan pengangkutan keretapi negeri Sabah; dan
- b. siapakah kontraktor pelaksana projek berkenaan.

JAWAPAN

- a. Pada 14 Nov 2002 pihak Unit Perancang Ekonomi melalui Notis Perubahan Bil. 158/2002 telah meluluskan Peningkatan Infrastruktur Negeri Sabah. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK9) Peningkatan Infrastruktur Keretapi Negeri Sabah dibahagikan kepada projek di 2 Sektor seperti berikut:-

Sektor 1 : Peningkatan Infrastruktur Tanjung Aru - Kimanis

- i. Membaik pulih landasan, jambatan dan sistem perparitan, tebatan banjir dan pengukuhan cerun di antara km3.9 dan km55.6;
- ii. Pembinaan 4 buah stesen baru dan membaik pulih 1 buah stesen sediaada; dan
- iii. Menaik taraf 12 lintasanrata sediaada.

Sektor 2 : Peningkatan Infrastruktur Kimanis - Tenom

- iv. Membaik pulih landasan, jambatan dan sistem perparitan, tebatan banjir dan pengukuhan cerun di antara km55.6 dan km139.7;
- v. Pembinaan 5 stesen baru dan membaik pulih 3 buah stesen sediaada; dan
- vi. Pemasangan sistem persembayanan dan komunikasi moden termasuk menaik taraf 10 lintasanrata sediaada.

Tarikh mula bagi kedua-dua sektor ini adalah pada 24 Nov 2005 dan kos keseluruhan projek ialah RM349.8 juta iaitu bagi Sektor 1 sejumlah RM142.3 juta manakala Sektor 2 sejumlah RM207.5 juta.

- b. Nama kontraktor yang dilantik/ pelaksana projek adalah seperti berikut :-

Sektor 1 - Suria Capital Holdings Berhad.

Sektor 2 - Hikmat Asia Sdn. Bhd.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : ISNIN, 23 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 03

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan status perancangan menaik taraf jaringan pengangkutan awam di sekitar kawasan pusat membeli belah Mid-Valley.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, Pada masa ini, terdapat 3 jenis perkhidmatan pengangkutan awam yang sedang beroperasi di kawasan Mid-Valley iaitu :

- i) Perkhidmatan Bas yang menghubungkan Mid-Valley ke pusat bandar, Seremban dan Klang;
- ii) Perkhidmatan Teksi yang menghubungkan Mid-Valley ke pusat bandar dan lain-lain destinasi; dan
- iii) Perkhidmatan Komuter yang menghubungkan Mid Valley ke Pusat Bandar, Seremban, Rawang/Sg Buloh dan ke lain-lain rangkaian perkhidmatan rail.

Untuk perancangan akan datang, Mid Valley akan dihubungkan dengan jejantas pejalan kaki ke Stesen Komuter Kampung Abdullah Hukum. Diharapkan, dengan adanya jejantas ini akan dapat memudahkan orang ramai menggunakan kemudahan komuter di Stesen ini ke Klang atau ke Pusat bandar atau ke Rawang/Sg Buloh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]
TARIKH : 23 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1495

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kos yang dibayar oleh Kerajaan untuk buku-buku pasport baru termasuk "microchip" yang ada di dalamnya, nama syarikat yang mendapat kontrak untuk membekalkan buku tersebut, tempoh kontrak dan adakah kontrak diberi secara tender terbuka.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua;

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang dibayar oleh kerajaan untuk buku-buku pasport Malaysia termasuk '*contactless smart chip*' bagi kategori i. **MRP-2 32 muka surat** dan kategori ii. **MRP-2 64 muka surat**, masing-masing berjumlah **RM59.25** dan **RM63.15** setiap satu. Kos tersebut **tidak termasuk** kos laminat keselamatan, kos alatan pakai buang untuk mesin percetakan pasport, sistem operasi dan kos lain yang berkaitan.

Untuk memenuhi faktor dan elemen keselamatan, Kerajaan telah melantik **Syarikat Percetakan Keselamatan Nasional Sdn. Bhd. (PKNSB)** secara rundingan terus pada 26 Februari 1990. **Syarikat Percetakan Keselamatan Nasional (PKNSB)** ditubuhkan pada tahun 1983 sebagai Cawangan Percetakan Keselamatan dibawah Jabatan Percetakan Negara pada ketika itu, sebelum ia diswastakan pada Mei

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
TARIKH : 23 FEBRUARI 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.38

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan sebenar pihak Kementerian dalam usaha memartabatkan dan memperkasakan sekolah-sekolah ataupun Fakulti Pengajian Perniagaan di IPTA-IPTA, terutamanya dalam memastikan setiap IPTA kita mempunyai akreditasi antarabangsa seperti The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa serius dalam memartabatkan dan memperkasakan IPT tempatan. Antara usaha yang dilakukan termasuk menubuhkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang berperanan sebagai badan tunggal yang bertanggungjawab sebagai agensi sehenti (*one stop centre*) untuk menyelia dan menyelaraskan serta memantau jaminan kualiti dan akreditasi sektor pengajian tinggi negara.

Sistem Jaminan Kualiti Malaysia yang dilaksanakan oleh MQA telah menjadi amalan terbaik kepada negara-negara ahli Pertubuhan Islam mengenai Sains, Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ISESCO). Semasa Persidangan Menteri-menteri Pengajian Tinggi dan Penyelidikan Saintifik ISESCO pada Oktober 2008 di Baku, Azerbaijan, MQA telah dilantik untuk membangunkan program latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang jaminan kualiti untuk negara-negara OIC. Di samping itu, Kementerian ini sentiasa menyokong usaha meningkatkan jaminan kualiti di IPTA termasuk mendapatkan akreditasi antarabangsa yang lain seperti The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB).

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

TARIKH : 23 .02.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah wang yang telah disalurkan untuk kegunaan atau melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Persekutuan (JKKKP) sehingga hari ini dan adakah organisasi ini sah di sisi undang-undang.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Pada tahun 2008, Kerajaan telah membayar sejumlah RM19.5 juta kepada 3,232 JKKKP Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Pulau Pinang yang meliputi bayaran elaun Pengerusi dan Setiausaha, elaun pengendalian mesyuarat, elaun hadir mesyuarat dan kemudahan wad dan rawatan kelas dua hospital Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan JKKKP ini telah pun mendapat persetujuan dan kelulusan Jemaah Menteri pada 11 Jun 2008 memandangkan keperluan wujudnya satu organisasi akar umbi bagi membantu Kerajaan Persekutuan menjalankan projek-projek pembangunan dengan lebih baik dan lancar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI
[BATU PAHAT]**

Tarikh : **ISNIN, 23 FEBRUARI 2009**

SOALAN

Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kemerosotan penonton Warta Perdana kepada jumlah terendah iaitu sebanyak 150,000 orang selepas waktu siaran ditukar ke jam 9 malam atas nama Nasional @ 1. Apakah rasional penjenamaan TV1 yang dibuat tanpa merujuk kepada pandangan berbagai pihak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Batu Pahat atas soalan yang dikemukakan. Kementerian Penerangan melalui RTM melaksanakan penstrukturan semula berdasarkan perancangan teliti bagi menyiapkan diri ke arah pelaksanaan siaran TV digital sepenuhnya menjelang 2015. Penstrukturan jadual TV1 dan TV2 merupakan satu proses transformasi berterusan dan RTM akan membuat '*fine-tuning*' dari semasa ke semasa. Kajian oleh AGB Nielsen Media Research menunjukkan seramai 332,411 orang menonton Nasional@1, jam 9

SOALAN NO : 40

malam pada minggu pertama tahun 2009 dan jumlah tersebut meningkat kepada 615,437 orang penonton pada minggu keenam. Ini merupakan peningkatan yang sangat positif berbanding *rating* sebelum ini yang hanya di antara 300 hingga 400 ribu penonton.

NO SOALAN : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHSIN FADZLI BIN
HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 23 FEBRUARI 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah faedah hasrat Kementerian hendak menswastakan bengkel kenderaan di Kem Batu Kentonmen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penswastaan bengkel kenderaan di Kem Batu Kentonmen seperti yang dimaksudkan adalah melibatkan pasukan 91 Woksyop Pusat Angkatan Tentera. Pasukan ini telah dirancang untuk ditamatkan beroperasi dan bukannya diswastakan. Pada masa hadapan, pembaikan yang selama ini dilaksanakan oleh pasukan berkenaan akan dilakukan secara kontrak.

Kajian telah dilakukan bahawa pasukan berkenaan telah beroperasi secara tidak kos efektif dari aspek keanggotaan, beban kerja dan kos belanja mengurus. Faedah jangka panjang yang akan diperolehi nanti adalah penjimatan wang kerajaan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]
TARIKH : 23 Februari 2009 (Isnin)
SOALAN : Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan

- (a) perangkaan jumlah insentif pengeluaran makanan yang telah diberikan mengikut etnik dari tahun 2004 sehingga 2008; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk menggalakkan permohonan insentif pengeluaran makanan bagi menangani krisis makanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, insentif bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan adalah untuk menggalakkan lebih ramai para pengusaha projek agro-makanan mengusahakan projek secara berskala komersial. Di bawah insentif tersebut, pelabur yang melabur dalam syarikat yang menjalankan projek pengeluaran makanan akan layak mendapat potongan cukai manakala syarikat yang melaksanakan projek akan layak mendapat pengecualian cukai selama 10 tahun bagi projek baru dan 5 tahun bagi projek pelaburan semula.
2. Dari tahun 2004 sehingga 2008 sejumlah RM 2.3 billion nilai pelaburan daripada sejumlah 182 permohonan dalam sektor agro-makanan telah diberikan insentif. Daripada jumlah yang dipohon tersebut sebanyak 40 permohonan adalah daripada

syarikat Bumiputera dengan nilai pelaburan sebanyak RM 0.16 billion, 141 permohonan adalah daripada Bukan Bumiputera dengan nilai pelaburan sebanyak RM 0.52 billion; manakala baki nilai pelaburan sebanyak RM 1.63 billion adalah daripada lain-lain kategori termasuk syarikat-syarikat yang melabur di dalam Konsortium Perikanan Nasional Berhad.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Untuk menggalakkan permohonan insentif Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan, beberapa strategi telah dilaksanakan. Sebagai contoh, beberapa seminar pelaburan telah diadakan di bawah Jabatan dan Agensi Kementerian bagi menarik ramai pengusaha untuk memohon insentif ini. Sepanjang 2008, sebanyak 120 seminar telah diadakan di seluruh negara. Selain itu, Kerajaan juga telah mengadakan Program Bicara Tani sepanjang tahun 2008 di 98 tempat di seluruh Malaysia di mana maklumat berkenaan insentif yang ditawarkan ini disebarkan kepada pengusaha-pengusaha agro - makanan yang menyertai bengkel tersebut. Di samping itu, publisiti yang diadakan semasa pameran, siri-siri ceramah dan seminar oleh pegawai Kementerian ini juga menyediakan khidmat nasihat berkaitan permohonan insentif ini. Di era teknologi maklumat ini, para pengusaha boleh mendapatkan borang dan maklumat berkaitan insentif melalui laman web Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di alamat web www.moa.gov.my. Kerajaan berharap agar kemudahan insentif ini menjadi pemangkin dalam menambah pengeluaran bahan makanan dan mengurangkan pergantungan bekalan yang diimport bagi menjamin keselamatan bekalan makanan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Tuan Liew Ching Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sasaran jangka masa pendek (1-2 tahun) Suruhanjaya Pilihan Raya dalam pendaftaran pemilih baru berumur 21 tahun ke atas yang berjumlah 6 juta orang. Kenapa pendaftaran oleh Penolong Pendaftar dari parti-parti politik dan NGO tidak disambungkan. Kenapa pendaftaran automatik tidak dipertimbangkan.

JAWAPAN: **Y.B. DATO SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) jumlah sebenar **pemilih baru yang berumur 21 tahun ke atas** adalah 4 juta orang. Justeru, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mensasarkan dalam tempoh 2 tahun, seramai 2 juta orang pemilih baru yang berumur 21 tahun ke atas akan mendaftar. Ini dapat dilakukan menerusi pelbagai program yang telah dan sedang diatur.
2. SPR pada masa ini melaksanakan pelbagai program pendidikan pengundi dan kempen kesedaran masyarakat yang dilakukan dari masa ke semasa saban tahun yang bertujuan untuk mendidik dan menyedarkan golongan muda akan kepentingan berpatisipasi di dalam proses demokrasi Negara. Di antaranya ialah program "*outreach*" yang diadakan di tempat-tempat awam, hari bertemu pelanggan setiap bulan, pertemuan dengan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS serta dengan pertubuhan parti politik dan NGO. Di masa akan datang, SPR bercadang untuk meluaskan lagi aktiviti pendaftaran melalui jalinan kerjasama dengan jabatan –jabatan kerajaan, NGOs, parti-parti politik dan media-media massa.

3. Walau bagaimanapun, ini tidak dapat menjamin dan memastikan mereka mendaftar sebagai pemilih. memandangkan SPR tidak mempunyai hak untuk memaksa mana-mana individu yang telah menjadi pemilih berdaftar supaya keluar mengundi atau sebaliknya, pada hari mengundi, kerana ia bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan hak kebebasan diri dan sekaligus bercanggah dengan prinsip demokrasi yang Negara amalkan.
4. **Berhubung dengan pelantikan penolong –penolong pendaftar dari kalangan wakil-wakil parti-parti politik dan agensi-agensi kerajaan, ianya dibuat berdasarkan kepada cadangan daripada pemimpin –pemimpin parti politik dan ketua-ketua jabatan. Pelantikan penolong-penolong pendaftar ini adalah tertakluk kepada penamatan sekiranya prestasi mereka tidak mencapai *standard* yang telah ditetapkan seperti tidak aktif atau melanggar syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh SPR. Pelantikan semula penolong-penolong pendaftar ini juga adalah berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah dinyatakan tadi.**
5. **Mengenai pendaftaran pemilih secara automatik pula, Kerajaan belum bercadang untuk mengadakannya. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia boleh menyebabkan timbulnya beberapa kesulitan kepada pemilih itu sendiri. Ini kerana, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun**

yang terdapat di pangkalan data alamat di JPN menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

6. Peraturan ini tidak mematuhi kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.
7. Oleh kerana itu, dikhuatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjejaskan imej negara di mata dunia. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bersedia untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik.

Sekian, terimakasih.

NU 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman [Lipis]

TARIKH : 23 Februari 2009 (Isnin)

SOALAN : 44

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman [Lipis]

minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana Kementerian akan menguatkuasakan pemakaian tali pinggang keledar bagi penumpang belakang kenderaan persendirian dari negara jiran seperti Republik Singapura dan Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menguatkuasakan peraturan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang kenderaan persendirian mulai 1 Januari 2009. Di bawah perjanjian dua hala bagi tujuan lintas sempadan antara Malaysia-Thailand dan Malaysia-Singapura telah dipersetujui bahawa kenderaan-kenderaan daripada mana-mana negara perjanji hendaklah saling mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa di sesebuah negara tersebut (*host country*). Ini bermakna, kenderaan daripada Singapura dan Thailand hendaklah mematuhi peraturan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang yang dikuatkuasakan di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan telah memaklumkan Kementerian Luar Negeri untuk menyampaikan melalui saluran diplomatik berhubung penguatkuasaan peraturan tersebut di negara ini kepada pihak-pihak berkuasa negara Thailand dan Singapura. Kerajaan tidak akan menghadapi sebarang masalah berhubung penguatkuasaan peraturan ini terhadap kenderaan persendirian Singapura kerana peraturan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang telah pun dikuatkuasakan di negara tersebut. Walau bagaimanapun, bagi negara Thailand atau mana-mana negara jiran yang lain, tarikh penguatkuasaan akan dipersetujui bersama melalui rundingan dua hala kerana peraturan ini belum dikuatkuasakan di negara-negara tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.02.2009

Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab dan bagaimana KWSP meningkatkan pelaburan dalam hartanah termasuk cadangan pembinaan KLIA Timur dan bagaimanakah pencarum mendapat faedah dari pelaburan hartanah setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini portfolio pelaburan KWSP dalam sektor hartanah adalah berjumlah RM3.56 bilion iaitu 1.01% dari keseluruhan alokasi aset KWSP. Berdasarkan kriteria wajaran risiko (risk weighted), sasaran Alokasi Strategik Aset KWSP dalam hartanah pada tahun 2009 ialah sebanyak 2% dari keseluruhan dana aset KWSP.

2. Selaras dengan strategi KWSP selaku pelabur jangka panjang, pelaburan dalam sektor hartanah mampu memberikan pulangan yang baik berdasarkan kriteria pelaburan antara lainnya seperti berikut :

- i) pelaburan jangka masa panjang tempoh minimum selama 5 tahun dan memberikan pulangan minimum 7% setahun;
- ii) lokasi hartanah yang strategik, dan
- iii) kredibiliti penyewa, pemajak atau rakan kongsi bagi mana-mana projek usahasama.

3. Faktor lain yang turut diambil kira ialah ciri-ciri hartanah itu sendiri yang unik iaitu mampu bertahan dalam situasi ekonomi yang agak lembap.

4. Pencarum KWSP mendapat faedah melalui pulangan dividen berdasarkan pendapatan dari pelaburan hartanah. Sebagai contoh, pelaburan dalam hartanah ini menyumbang sebanyak RM62 juta pada 2006 dan RM86 juta pada 2007.

5. Mengenai cadangan pembinaan KLIA Timur, pada masa ini KWSP tidak terlibat dalam apa-apa bentuk pelaburan bagi projek berkenaan.

Disediakan oleh : Encik Razali bin Othman
KK(M)2 - (samb. - 3564)

Disemak oleh : Encik Maliami bin Hamad
TSBK(M) - (samb. - 3555)

Diluluskan oleh : Y.Bhg. Datuk Nozirah binti Bahari
SBK - (samb. - 3535)

NW: 46

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(33)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB (MARAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.2.2009 SOALAN NO: 46

Dato' Haji Ismail bin Haji Muttalib (Maran) menyatakan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang telah dibina sehingga akhir Disember 2008 di seluruh Negara mengikut negeri-negeri dan dapatkah pihak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) mempercepatkan proses kelulusan setiap permohonan yang dibuat, khususnya di kawasan Parlimen Maran memandangkan sambutan komuniti terhadap pembinaan rumah berkenaan akhir-akhir ini amat menggalakkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2008 Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah meluluskan sebanyak 14,276 unit rumah di bawah program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh negara. Sebanyak 7,428 unit rumah telah diserahkan kunci kepada pemilik manakala 6,848 unit lagi masih di

dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bilangan rumah yang telah siap dibina dan diserahkan kunci mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Rumah
Terengganu	1,098
Kelantan	1,234
Pahang	460
Perak	929
Pulau Pinang	84
Kedah	879
Perlis	115
Selangor	471
Negeri Sembilan	606
Melaka	343
Johor	755
Kuala Lumpur/Putrajaya	9
Sabah	195
Sarawak	200
Labuan	30
Jumlah	7,428

Untuk makluman Yang Berhormat juga, SPNB berusaha mempercepatkan kelulusan semua permohonan yang diterima. Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya SPNB memerlukan lebih kurang enam bulan untuk menyemak dan meluluskan sesuatu permohonan kerana ia melibatkan pelbagai proses seperti pemeriksaan status kewangan pemohon, temu duga, melawat dan mengesahkan tapak rumah, penilaian, urusan pinjaman dan sebagainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

TARIKH: 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [Bagan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah pengangguran untuk setiap penggal sejak 2007 dan jumlah kehilangan pekerjaan dalam kegawatan ekonomi pada tahun ini dan tahun depan untuk Malaysia dan berikan pecahan mengikut negeri. Apakah langkah menyelamatkan pekerjaan dan jumlah wang untuk mengatasinya, khususnya di Pulau Pinang.

PR-1221-L18042

JAWAPAN:

Kegawatan ekonomi global telah mengakibatkan berlaku pemberhentian dan pengangguran. Pemberhentian pekerja kebanyakan berlaku di sektor pembuatan khususnya subsektor elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian.

Jumlah pengangguran bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti berikut:

Tempoh	Bilangan Penganggur
Suku Tahun Pertama 2007	365,400
Suku Tahun Kedua 2007	369,400
Suku Tahun Ketiga 2007	340,600
Suku Tahun Keempat 2007	333,400
Suku Tahun Pertama 2008	398,000
Suku Tahun Kedua 2008	388,100
Suku Tahun Ketiga 2008	343,700

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan penganggur mengikut negeri pada Suku Tahun Ketiga 2008 adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan Penganggur Suku Ketiga 2008
Johor	25,700
Kedah	26,200
Kelantan	18,500
Melaka	2,500
Negeri Sembilan	13,300
Pahang	18,400
Perak	35,300
Perlis	2,400
Pulau Pinang	11,100
Sarawak	43,700
Selangor (termasuk W.P. Putrajaya)	61,200
Terengganu	10,900
WP Kuala Lumpur	14,700
Sabah dan Labuan	59,700
Jumlah	343,700

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pemberhentian pekerja (pemberhentian tetap dan sukarela) bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 18 Februari 2009 berjumlah 10,450 pekerja yang melibatkan 303 majikan. Negeri yang mencatatkan jumlah pemberhentian tertinggi ialah Selangor iaitu seramai 3,487 yang melibatkan 90 majikan dan dituruti Johor seramai 2,240 pekerja (35 majikan) dan Pulau Pinang seramai 1,830 pekerja (47 majikan). Sektor pembuatan mencatatkan jumlah pemberhentian yang tertinggi iaitu sebanyak 8,795 pekerja yang melibatkan 151 majikan.

**BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA YANG TERLIBAT DENGAN
PEMBERHENTIAN MENGIKUT NEGERI
BAGI TEMPOH 1/1/2009 HINGGA 18/02/2009**

Negeri	Majikan terlibat Pemberhentian		Majikan terlibat VSS	VSS	Jumlah Pekerja	Jumlah Majikan
JOHOR	33	2,149	2	91	2,240	35
KEDAH	14	319	2	17	336	16
KELANTAN	0	0	1	19	19	1
KELPAKA	12	470	3	78	548	3
KEMERIAN	7	223	0	0	223	0
KEMERIAN	6	18	0	0	18	0
KEMERIAN	34	854	13	976	1,830	13
KEMERIAN	11	531	2	348	879	2
KEMERIAN	0	0	0	0	0	0
KEMERIAN	76	2,564	14	923	3,487	14
KEMERIAN	2	163	1	5	168	1
KEMERIAN	36	226	6	80	306	6
KEMERIAN	4	90	0	0	90	0
KEMERIAN	7	39	0	0	39	0
KEMERIAN	15	195	2	72	267	2
Jumlah	257	7,841	46	2,609	10,450	46

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2009 adalah dianggarkan seramai 40,000 hingga 58,000 pekerja dijangka akan diberhentikan. Manakala bagi tahun 2010, dianggarkan seramai 70,000 hingga 90,000 pekerja dijangka akan diberhentikan. Angka ini hanyalah jangkauan dan bergantung kepada senario ekonomi global terutama Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta Pakej Rangsangan Ekonomi seterusnya oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi melindungi pekerja di seluruh negara yang kehilangan pekerjaan akibat kemerosotan ekonomi, Kementerian saya telah melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:-

- a) Menubuhkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri termasuk Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk membincangkan dan menentukan tindakan bagi menangani masalah pemberhentian kerja.
- b) Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja telah diwujudkan di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang untuk tujuan seperti berikut;
 - i) memantau *trend* pemberhentian pekerja;
 - ii) mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan;
 - iii) membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru (*job-placement*); dan
 - iv) mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- c) Melaksanakan program latihan semula dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Untuk program ini Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta secara keseluruhan untuk semua negeri termasuk Pulau Pinang. Siswazah menganggur yang mengikuti program ini akan diberi elaun sara diri RM500 sebulan.

- d) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*temporary lay-off*), mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensi yang lain supaya mereka yang jatuh di bawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja diberi bantuan ehsan.

Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di sektor elektrik dan eletronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.02.2009 SOALAN NO: 48

Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) menyatakan bagaimana keselamatan penggunaan E-Banking di negara Malaysia dan cara-cara untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sistem perbankan elektronik E-Banking seperti melalui internet (*internet banking*), telefon (*phone banking*), telefon mudah alih (*mobile banking*) dan ATM (*automated teller machine*) di Malaysia adalah selamat. Bank Negara Malaysia telah bekerjasama dengan institusi perbankan, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk memastikan keutuhan sistem perbankan elektronik bagi mengurangkan aktiviti penipuan.

2. Antara langkah yang telah diambil untuk memastikan keselamatan penggunaan perbankan elektronik adalah seperti yang berikut:

- i. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan, "*Minimum Guidelines on the Provision of Internet Banking Services by Licensed Institutions*" dan "*Guideline on Minimum Security Standards for Automated Teller Machines*" yang menggariskan langkah-langkah kawalan sistem keselamatan yang perlu dipatuhi oleh semua institusi yang menyediakan perbankan Internet dan ATM. Antara langkah tersebut ialah menyediakan dan sentiasa mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan sistem "*firewall*", "*anti-virus*" dan sistem pengesanan pencerobohan (*intrusion detection system*);
- ii. Bank Negara Malaysia juga telah mengarahkan pelaksanaan penentusahan dua faktor (*two-factor authentication*) bagi transaksi perbankan Internet yang berisiko tinggi. Penentusahan faktor kedua adalah untuk melengkapinya penentusahan faktor pertama (iaitu nama pengguna dan PIN) melalui penggunaan alat penentusahan tambahan seperti kod kebenaran transaksi yang diperoleh melalui sms, sijil digital, kad pintar atau token USB (*Universal Serial Bus*), atau ciri biometrik pelanggan itu sendiri seperti cap jari atau corak retina;
- iii. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau aktiviti perbankan elektronik menerusi pemeriksaan berkala untuk memastikan institusi perbankan mematuhi garis panduan yang ditetapkan;

- iv. Institusi perbankan sentiasa memastikan infrastruktur sistemnya dilengkapi dengan kawalan keselamatan yang menyeluruh termasuk sistem amaran penipuan (*fraud*) secara manual atau automatik bagi mengesan dan melaporkan sebarang transaksi perbankan yang mencurigakan. Industri perbankan juga dikehendaki melaporkan sebarang kejadian penipuan dengan segera kepada Bank Negara Malaysia;
- v. Institusi perbankan juga turut menjalankan program pendidikan dan kesedaran pelanggan secara berterusan bagi mendidik pengguna tentang keselamatan dan langkah berjaga-jaga terhadap penipuan perbankan elektronik. Antara langkah yang telah diambil termasuklah mengeluarkan kenyataan amaran yang dipaparkan di laman web institusi perbankan serta saluran komunikasi media; dan
- vi. Kerjasama industri seperti Pasukan Petugas Perbankan Internet telah ditubuhkan pada tahun 2004 bagi menangani penipuan dan menyemai keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan perbankan Internet. Pasukan ini dianggotai oleh kesemua institusi perbankan yang menawarkan perbankan internet, Cybersecurity Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

SOALAN NO.: 49

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan merangkakan dasar-dasar tebus guna tanah di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan Persekutuan ke atas tebusguna tanah adalah jelas. Di samping usaha padu untuk meneruskan kemajuan ekonomi dan pembangunan negara, mana-mana cadangan tebusguna tanah hendaklah dilaksanakan tanpa menjejaskan kualiti hidup rakyat dan menyebabkan pencemaran. Selain memastikan Dasar Alam Sekitar Negara diambilkira, dasar ke atas tebusguna tanah jelas termaktub dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 2005. Selaras dengan kehendak RFN ini, ekosistem persisiran pantai yang sensitif hendaklah dipelihara dan digunakan secara lestari.

Selain itu, mana-mana cadangan tebus guna tanah kawasan pantai yang melebihi 50 hektar memerlukan kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekililing (EIA) Terperinci dijalankan. Kajian EIA ini dijalankan untuk mengenalpasti secara saintifik impak ke atas alam sekitar dan langkah-langkah kawalan yang diperlukan sebelum projek tebusguna tersebut diluluskan dan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

MM: 50

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB IR. EDMUND CHONG KET WAH
[Batu Sapi]
TARIKH : 23 Februari 2009
SOALAN : 50

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sehingga sekarang jumlah yang telah dibelanjakan serta kajian-kajian yang telah dijalankan bagi mencari sumber tenaga boleh diperbaharui bagi negara Malaysia terutamanya untuk Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang solar, biogas, biomass yang merangkumi biodiesel dan bioethanol, biohidrogen, angin, mini hidro dan ombak dengan pemberian geran-geran penyelidikan seperti Sciencefund, Technofund, Innofund, *Commercialisation of Research & Development Fund* (CRDF) dan *Technology Acquisition Fund* (TAF).

Sehingga kini, MOSTI telah membiayai secara keseluruhan merangkumi Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebanyak 114 projek berkaitan tenaga boleh diperbaharui yang melibatkan pembiayaan sebanyak RM122.03juta. Aktiviti

R&D ini dijalankan oleh institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan tempatan dan syarikat-syarikat swasta. Daripada jumlah ini, MOSTI sedang membiayai 4 buah projek kajian R&D tenaga boleh diperbaharui berjumlah RM13.69 juta di Sabah dan Sarawak. Projek – projek tersebut adalah:

Di Sarawak

(i) *Development of an Efficient Hybrid Solar Thermoelectric- Adsorption Cooling System.*

-Projek ini menumpu kepada pembangunan hibrid solar termoelektrik dan penyerapan yang boleh diaplikasikan bagi sistem penyejukan bangunan. Projek ini dijalankan oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) . Geran diluluskan sebanyak RM 143,000. Projek ini sedang berjalan.

(ii) *Pilot-Scale High Speed Fermentation of Ethanol for Fuel from Sago Utilising the 'Ishizaki Process®'*

-Projek ini menumpu kepada pengeluaran bio-ethanol daripada sago, dijalankan di peringkat *pilot scale*. Projek ini dilaksanakan oleh AARGYP Scientific Sdn. Bhd. dengan pembiayaan dana sebanyak RM 11,609,020 . Projek ini masih dalam pelaksanaan.

Di Sabah

(i) *Pembangunan Projek Pengeringan Terbantu Suria untuk Rumpai Laut*

-Projek ini dijalankan bersama Persatuan Nelayan Kawasan Semporna Sabah. Tujuan projek ini ialah untuk membangunkan satu sistem yang membolehkan para nelayan mengeringkan rumpai laut di atas pelantar

laut sejurus sahaja selepas dituai untuk memastikan kualiti rumpai tersebut dijamin. Pembiayaan dana untuk projek ini ialah sebanyak RM 461,000. Projek ini masih dalam pelaksanaan .

Di Sabah dan Sarawak

(i) *Cost effective production of hydroxy system for Fuel Savings in Diesel Powered Electricity Generators.*

-Projek ini telah membangunkan satu prototaip sistem yang akan menyahcaskan molekul air yang boleh mengurangkan penggunaan diesel dalam proses pembakaran dalam enjin. Sistem ini boleh diaplikasikan dalam generator, kenderaan marin dan juga kenderaan darat yang menggunakan bahan api diesel. Projek ini dijalankan oleh Ace- Mas Consolidated Sdn. Bhd. dengan pembiayaan dana sebanyak RM 1,480,000 . Projek ini masih dalam pelaksanaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.02.2009 SOALAN NO: 51

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) menyatakan bilakah Kerajaan akan mengembalikan *windfall tax* yang telah dikenakan terhadap pekebun kecil kelapa sawit di seluruh negara pada Julai, 2008 dan berapakah jumlahnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2008, Kerajaan telah mengenakan Levi Keuntungan Luar Biasa ke atas minyak sawit mentah dan minyak isirong sawit mentah bagi menggantikan ses yang dikutip di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak.

Untuk makluman Yang Berhormat, levi pada mulanya dikutip di peringkat *millers* bagi memudahkan kutipan dan mewujudkan *one stop payment center*. Walaubagaimanapun, dengan cara kutipan itu, secara tidak langsung, pekebun kecil kelapa sawit terjejas dengan pengenaan levi tersebut kerana apabila pekebun kecil menghantar

buah sawit mereka, *millers* menolak bayaran levi daripada harga buah sawit.

Sehubungan itu, mulai 15 Julai 2008, Kerajaan telah memutuskan Levi Keuntungan Luar Biasa dikenakan secara terus di peringkat ladang yang luasannya melebihi 100 ekar. Dengan itu, mulai 15 Julai 2008, pekebun kecil tidak lagi terbeban dengan levi ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan sekiranya ada pekerja yang kehilangan pekerjaan apabila syarikat mengecilkan operasi sekiranya kegawatan dijangka berlaku pada suku pertama dan kedua tahun ini.

PR-1221-L16829

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Krisis ekonomi yang melanda dunia sekarang telah memberi kesan kepada banyak negara dan Malaysia tidak terkecuali daripada bahang tersebut, terutama dalam sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Bagi tahun 2009, seramai 40,000 hingga 58,000 pekerja dijangka akan diberhentikan. Jangkaan ini bergantung kepada senario ekonomi global terutama Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam menangani krisis ini, saya berpandangan semua pihak perlu berkerjasama dan memainkan peranan masing-masing bagi mengurangkan impak ke tahap yang minimum. Kementerian saya sentiasa terbuka dan mengalu-alukan sebarang pandangan bernas dan konstruktif untuk menangani cabaran ini demi kesejahteraan rakyat.

Langkah-langkah yang sedang dirancang dan akan diambil bagi menangani krisis ini adalah seperti berikut:-

i) Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terutamanya terhadap pekerja yang diberhentikan. Pihak majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan perlu menyumbang idea yang bernas untuk mengelakkan pemberhentian dan pengangguran. Perbincangan dan maklum balas yang diterima amat berfaedah dalam membantu menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemberhentian.

ii) Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara telah ditubuhkan bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan kepada rakyat. Sebahagian daripada tugas Bilik Operasi adalah seperti :-

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan yang ada di dalam negara;
- membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru;
- Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- Membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian dan.

- Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

iii) Melaksanakan program latihan semula dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Untuk program ini Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta dan setiap peserta akan diberi elaun sara diri RM500 sebulan.

iv) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*temporary lay-off*), mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensi yang lain supaya mereka yang jatuh di bawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja diberi bantuan ehsan.

Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di sektor elektrik dan eletronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN
IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : 23 .02.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan Kerajaan Pusat sudah menubuhkan JKKKP yang fungsi-fungsinya didapati serupa dengan JKKK yang dilantik oleh Kerajaan Negeri:-

- (a) Sehingga kini, berapakah jumlah peruntukan bulanan yang sudah diberikan kepada JKKKP; dan
- (b) apakah rasional Kerajaan Pusat yang dengan sewenang-wenang menggunakan wang atau peruntukan awam bagi JKKKP yang bertindih dengan sistem yang JKKK sedia ada.

JAWAPAN :

Tuan Yang dipertua

- (a) Sehingga kini, Kerajaan telah membayar sejumlah RM19.5 juta kepada 3,232 JKKKP Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Pulau Pinang yang meliputi bayaran elaun Pengerusi dan Setiausaha, elaun pengendalian mesyuarat, elaun hadir mesyuarat dan kemudahan wad dan rawatan kelas dua hospital Kerajaan. Jumlah ini adalah jumlah keseluruhan bayaran elaun JKKKP bagi tahun 2008 (dari bulan Jun – Disember).

- (b) Jumlah peruntukan yang dikhaskan bagi tujuan pembayaran elaun JKKKP ini adalah wajar memandangkan beban tanggungjawab dan tugas yang dilaksanakan oleh mereka dalam membantu Kerajaan melaksanakan pelbagai projek sosio-ekonomi dari peruntukan Persekutuan. Pembayaran elaun ini juga dilihat sebagai tanda penghargaan Kerajaan di atas jasa mereka selama ini yang tidak pernah jemu membangunkan kampung masing-masing di samping membantu Kerajaan mencapai matlamat melahirkan desa yang maju, menarik dan menguntungkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)
TARIKH : 23.02.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa bantuan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) akan dimansuhkan dan digantikan dengan E-Kasih. Kalau benar, nyatakan perbezaan di antara kedua-dua bantuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) telah ditubuhkan pada tahun 2003 di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Penubuhan kumpulan wang ini bertujuan membantu murid miskin untuk meneruskan persekolahan serta menjana kecemerlangan pendidikan mereka. Bantuan kewangan ini telah banyak membantu murid-murid mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan

Secara umum, bantuan kewangan yang disediakan di bawah Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah terbuka kepada semua murid miskin warganegara Malaysia yang bersekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. KPM tidak pernah bercadang untuk memansuhkan KWAPM kerana ianya merupakan bantuan kepada murid-murid yang datang daripada

golongan miskin dan miskin tegar bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam pendidikan. Ini adalah bertepatan dengan objektif penubuhan KWAPM iaitu bagi memastikan tiada murid yang tercicir dari persekolahan akibat kemiskinan. Ini juga selaras dengan Dasar Pendidikan Wajib yang telah berkuatkuasa mulai tahun 2003.

E-Kasih pula merupakan Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri memusatkan data golongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara. Mulai tahun 2009, KPM akan menggunakan data dalam E-Kasih untuk menyelaraskan bantuan KWAPM. Sistem ini digunakan bagi mengelakkan berlakunya ketirisan dan pertindihan dalam pemberian bantuan dengan kementerian-kementerian lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah langkah-langkah dan persiapan Kementerian dalam menghadapi kemelut ekonomi yang parah dan ratusan ribu pekerja yang akan dibuang kerja bermula tahun 2009.

PR-1221-L17102

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia turut merima impak daripada krisis ekonomi yang melanda dunia sekarang, terutama dalam sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Bagi tahun 2009, seramai 40,000 hingga 58,000 pekerja dijangka akan diberhentikan. Jangkaan ini bergantung kepada senario ekonomi global terutama Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam menangani krisis ini, saya berpandangan semua pihak perlu berkerjasama dan memainkan peranan masing-masing bagi mengurangkan impak ke tahap yang minimum. Kementerian saya sentiasa terbuka dan mengalu-alukan sebarang pandangan bernas dan konstruktif untuk menangani cabaran ini demi kesejahteraan rakyat.

Langkah-langkah yang sedang dirancang dan akan diambil bagi menangani krisis ini adalah seperti berikut:-

i) Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terutamanya terhadap pekerja yang diberhentikan. Pihak majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan perlu menyumbang idea yang bernas untuk mengelakkan pemberhentian dan pengangguran. Perbincangan dan maklum balas yang diterima amat berfaedah dalam membantu menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemberhentian.

ii) Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara telah ditubuhkan bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan kepada rakyat. Sebahagian daripada tugas Bilik Operasi adalah seperti :-

- Memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- Mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan yang ada di dalam negara;
- Membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru;
- Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- Membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian dan.

- Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

iii) Melaksanakan program latihan semula dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Untuk program ini Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta dan setiap peserta akan diberi elaun sara diri RM500 sebulan.

iv) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*temporary lay-off*), mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensinya yang lain supaya mereka yang jatuh di bawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja diberi bantuan ehsan.

Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di sektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG
(LABIS)
TARIKH : 23 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyakkah bayaran yang telah dibayar oleh Kementerian kepada Institut Jantung Negara (IJN) sejak penubuhan IJN sehingga 2008 bagi menampung kos rawatan penyakit jantung kepada kakitangan awam dan pesakit yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhan Institut Jantung Negara (IJN) sehingga tahun 2008, Kementerian Kesihatan telah membayar sebanyak **RM1,382,974,158.59** kepada IJN bagi menampung kos rawatan kakitangan awam dan pesakit yang miskin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. P RAMASAMY A/L PALANISAMY

TARIKH: 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Y.B. DR. P RAMASAMY A/L PALANISAMY [Batu Kawan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjaga dan melindungi golongan pekerja pada masa kegawatan ekonomi yang telah melanda negara kini.

PR-1221-L16593

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Krisis ekonomi yang melanda dunia sekarang turut memberi kesan kepada Malaysia terutama dalam sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Bagi tahun 2009, seramai 40,000 hingga 58,000 pekerja dijangka akan diberhentikan. Jangkaan ini bergantung kepada senario ekonomi global terutama Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya berpandangan bahawa semua pihak perlu berkerjasama dan memainkan peranan masing-masing bagi mengurangkan impak ke tahap yang minimum. Kementerian saya sentiasa terbuka dan mengalu-alukan sebarang pandangan bernas dan konstruktif untuk menangani cabaran ini demi kesejahteraan rakyat.

Langkah-langkah yang sedang dirancang dan akan diambil bagi menangani krisis ini adalah seperti berikut:-

i) Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terutamanya terhadap pekerja yang diberhentikan. Pihak majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan perlu menyumbang idea yang bernas untuk mengelakkan pemberhentian dan pengangguran. Perbincangan dan maklum balas yang diterima amat berfaedah dalam membantu menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemberhentian.

ii) Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara telah ditubuhkan bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan kepada rakyat. Sebahagian daripada tugas Bilik Operasi adalah seperti :-

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan yang ada di dalam negara;
- membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru;
- Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- Membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian dan.

- Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

iii) Melaksanakan program latihan semula dan penempatan (*train & place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Untuk program ini Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta dan setiap peserta akan diberi elaun sara diri RM500 sebulan.

iv) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*temporary lay-off*), mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensinya yang lain supaya mereka yang jatuh di bawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja diberi bantuan ehsan.

Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di sektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

NA = 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
[KOTA BELUD]**

TARIKH JAWAPAN : **23 FEB 2009 (ISNIN)**
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : **NO. 58**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah bilangan pengguna Internet yang berdaftar di Malaysia mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Statistik Kementerian menunjukkan bilangan pelanggan Internet jalur lebar pada Disember 2008 ialah sebanyak 1.714 juta di mana kadar penembusan Internet jalur lebar mengikut isirumah ialah sebanyak 21.1%.

Terdapat lima (5) negeri yang mencatatkan kadar penembusan jalur lebar mengikut isirumah melebihi kadar penembusan nasional iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (53.9%), Pulau Pinang (33.2%) Selangor (33.2%), Melaka (21.4%) dan Wilayah Persekutuan Labuan (21.2%). Manakala lapan (8) negeri iaitu Johor (19.4%), Negeri Sembilan (17.4%), Perak (15.2%), Sarawak (13.6%), Kedah (11.2%) Perlis (10.9%), Terengganu (10.6%) dan Pahang (10.0%) mencatat kadar penembusan melebihi 10%. Hanya dua (2) negeri iaitu Kelantan (7.1%) dan Sabah (9.5%) yang mencatatkan kadar penembusan di bawah 10%.

Walau bagaimanapun, Kementerian yakin dengan adanya strategi pelaksanaan jalur lebar nasional yang akan mengambil kira aspek penawaran (*supply*) dan permintaan (*demand*) secara menyeluruh akan dapat menyumbang kepada peningkatan kadar penembusan jalur lebar di semua negeri di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
(TITIWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.02.2009 SOALAN NO: 59

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan yang diterima oleh CEO-CEO, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah 20 GLC terbesar di bawah Khazanah Nasional Berhad.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran perincian gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan yang dibayar kepada CEO syarikat GLC adalah dipertimbangkan dan diperakukan oleh Lembaga Pengarah syarikat GLC masing-masing setelah mengambil kira pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan. Antara aspek yang diberi penekanan adalah prestasi kewangan dan penyampaian perkhidmatan syarikat GLC di sepanjang tempoh yang diterajui oleh CEO tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG

TARIKH : 23 Februari 2009

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah ikan yu yang telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan rasuah sejak 1 Januari ini dan lain-lain indikator yang menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia lebih berkesan daripada Badan Pencegah Rasuah dalam membanteras rasuah.

SULIT

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PEDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah terlalu awal untuk membuat perbandingan di antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) memandangkan SPRM baru beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2009. Namun bagi tempoh mulai 1 Januari 2009 hingga 16 Februari 2009, sebanyak 60 tangkapan telah dibuat dan seramai 23 orang telah dituduh di mahkamah atas pelbagai kesalahan rasuah. Antara mereka yang telah dituduh dalam tempoh tersebut ialah Ahli Majlis, Jurutera, Pengurus Syarikat, Ketua Polis Daerah berpangkat ACP, Naib Ketua UMNO dan Juruukur Bahan Perunding.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]**

Tarikh : **ISNIN, 23 FEBRUARI 2009**

SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan nisbah siaran bentuk keagamaan, pendidikan dan hiburan di radio dan televisyen kendalian Kerajaan dan swasta.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Pasir Puteh atas soalan yang dikemukakan. Bagi saluran-saluran radio RTM, secara umumnya peratusan rancangan hiburan berinformasi ialah 70% dan selebihnya 30% berita dan informasi. Bagi saluran-saluran TV RTM pula, secara umumnya TV1 merupakan saluran 100% informasi, termasuklah informasi agama dan TV2 pula 80% hiburan dan 20% pendidikan.

Bagi saluran radio swasta pula, secara umumnya nisbah rancangan hiburan dan informasi ialah 70:30 manakala bagi siaran TV adalah bergantung pada saluran, contohnya saluran Discovery Channel

SOALAN NO : 61

merupakan 100% pembelajaran dan saluran E merupakan 100% hiburan. Walau bagaimana pun, semua stesen swasta dilesenkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dan tidak berada di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan.

NW: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 62

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh)

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN : YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengambil pendirian yang lebih tegas berhubung isu Palestin dengan mengiktiraf PLO dan Hamas yang dipilih rakyat dalam pilihan raya secara demokratik di Palestin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Permatang Pauh, YB Marang, YB Baling dan YB Shah Alam di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh kelapan-lapan Ahli Parlimen ini iaitu, YB Permatang Pauh pada 23 Februari 2009, YB Marang pada 3 Mac 2009, YB Baling pada 11 Mac 2009 dan YB Shah Alam pada 19 Mac 2009 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu mengenai pendirian Negara terhadap kumpulan Hamas.

2. Malaysia menyokong kerajaan semasa Palestin (*government of the day*), iaitu kerajaan *Palestinian Authority* yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas, seorang presiden yang telah dipilih oleh rakyat Palestin dalam satu pilihan raya presiden yang dianggap adil dan telus.

3. Dalam hal ini, Hamas dan Fatah hanya merupakan parti-parti politik yang menyumbang kepada pembentukan kerajaan Palestin yang sedang memerintah.

4. Walau bagaimanapun, Malaysia sering juga menekankan keperluan rakyat Palestin sendiri khususnya pihak Fatah dan Hamas,

untuk bersatu-padu dan mengelakkan sengketa di antara mereka agar dapat menumpukan perhatian terhadap mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat.

5. Untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia ini, kemenangan Hamas di dalam Pilihan Raya '*Palestinian Legislative Council*' (PLC) telah disambut baik oleh kepimpinan Malaysia, di mana kedua-dua Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Menteri Luar Negeri ketika itu telah mengeluarkan kenyataan yang mengucapkan tahniah kepada Hamas ke atas kemenangan mereka yang mencerminkan kehendak dan kemahuan penduduk Palestin di dalam pilihan raya yang demokratik. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri turut menggesa masyarakat antarabangsa menerima keputusan pilihan raya tersebut kerana jika hasrat dan kepimpinan yang dipilih oleh penduduk Palestin tidak dihiraukan oleh masyarakat antarabangsa, tentunya penyelesaian konflik Israel-Palestin sukar dicapai.

6. Tambahan pula, Y.A.B. Perdana Menteri turut mengambil inisiatif segera bagi mengutus surat kepada ahli-ahli Kuartet (Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Rusia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) yang bertanggungjawab melaksanakan Pelan Damai (Roadmap) serta ahli-ahli tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menekankan kepentingan menerima kemenangan Hamas. Pada 20 Februari 2006 pula, seorang wakil Hamas, Dr. Azzam Tamimi, telah membuat kunjungan hormat ke atas kedua-dua Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Menteri Luar Negeri. Dalam pertemuan-pertemuan tersebut, Malaysia telah

mengulangi ucapan tahniah kepada kepimpinan Hamas di atas kemenangan mereka. Pemimpin Biro Politik Hamas, iaitu Khaled Meshaal, juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia. Justeru, persoalan Malaysia tidak mengiktiraf kerajaan Hamas tidak wujud sama sekali, lebih-lebih lagi dengan usaha pucuk kepimpinan Malaysia memainkan peranan bagi menggesa masyarakat antarabangsa menerima kemenangan Hamas.

7. Malaysia tidak pernah menganggap pertubuhan Hamas sebagai pertubuhan pengganas, tetapi Malaysia sentiasa merujuk kepada Hamas sebagai kumpulan pejuang Palestin. Jika dilihat daripada usaha Malaysia di dalam arena diplomasi antarabangsa, dasar Malaysia sejak awal lagi adalah untuk mencari definasi *keganasan* atau *terrorisme* yang dapat diterima secara global yang mengecualikan kumpulan-kumpulan yang memperjuangkan kebebasan dari pendudukan asing. Ini merupakan salah satu usaha Malaysia bagi menyokong perjuangan Hamas dan mengasingkan Hamas daripada dikategorikan sebagai kumpulan pengganas supaya dapat diterima oleh masyarakat antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN

KAWASAN : PENDANG

TARIKH : 23.02.2009 (ISNIN)

NO. SOALAN : 63

Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah produk hasil buatan Bumiputera yang menembusi pasaran antarabangsa, ke negara mana dan peratus yang menembusi pasaran negara OIC.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sukacita dijelaskan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik perdagangan yang direkodkan oleh Kastam DiRaja Malaysia, barangan yang dieksport tidak diklasifikasikan sebagai produk Bumiputra atau bukan Bumiputra.

Walau bagaimanapun, sehingga kini, sebanyak 3,024 syarikat Bumiputra telah mendaftar dengan MITI melalui MATRADE. Syarikat-syarikat ini dilibatkan dalam program-program galakan perdagangan yang khusus untuk membimbing dan meningkatkan penyertaan pengeksport Bumiputra iaitu *Bumiputera Exporters Development Programme (BEDP)*.

MITI melalui satu unit khusus yang ditubuhkan, sentiasa memantapkan penyertaan dan penglibatan Bumiputera dalam sektor perindustrian dan perdagangan antarabangsa.

Bagi tahun 2008, jumlah keseluruhan eksport negara adalah sebanyak RM663.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10.2 peratus iaitu RM67.6 bilion adalah eksport ke negara-negara OIC terutamanya:

- **Indonesia (RM20.7 bilion);**
- **Emiriyah Arab Bersatu (RM12.6 bilion);**
- **Arab Saudi (RM3.5 bilion)**
- **Turki (RM2.7 bilion); dan**
- **Pakistan (RM2.4 bilin).**

NW = 64

SJ.B/(32)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM (KOTA Melaka)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.02.2009

SOALAN NO: 64

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) menyatakan bagaimana kedudukan kewangan Syarikat PLUS Expressway Sdn Bhd seperti jumlah pendapatan, kutipan tol, perbelanjaan, bayaran cukai dan margin keuntungan bagi setiap tahun iaitu dari tahun 2001 hingga 2008 yang diagihkan kepada Kerajaan dan agensinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan kewangan PLUS Expressway Berhad (PEB) bagi tahun 2001 sehingga 2008 adalah seperti berikut:

Bil	Maklumat Kewangan Yang Dipohon	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2001 (RM Juta)	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2002 (RM Juta)	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 (RM Juta)	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2004 (RM Juta)	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2005 (RM Juta)	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2006 (RM Juta)	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2007 (RM Juta)	Tempoh 9 Bulan Berakhir 30 September 2008 (RM Juta)
1	Jumlah Pendapatan	1,222.6	1,375.8	1,443.0	1,499.4	1,663.6	1,690.6	1,820.5	1,640.9
2	Perbelanjaan	459.5	461.8	536.4	582.2	612.5	657.1	725.6	707.8
3	Peruntukan/ Bayaran Cukai	(12.9)	-	3.5	5.2	7.7	2.8	60.3	322.3
4	Keuntungan Selepas Cukai	15.0	(1,775.0)	732.1	768.5	1,063.8	1,104.9	1,247.6	783.4
5	Dividen Yang Telah Dibayar/ Diumumkan Bagi Tahun	-	-	350.0	375.0	450.0	625.0	700.0	325*

* Pada tahun 2008, sebanyak 86.3% diagihkan kepada Kerajaan dan pelbagai agensi/institusi Kerajaan. Agihan dividen dari 2001-2007 adalah berdasarkan peratusan pegangan saham oleh pihak Kerajaan dan pelbagai agensi/ institusi Kerajaan pada tahun-tahun berikut.

* Jumlah ini merujuk kepada dividen interim bagi tahun kewangan 2008. Dividen akhir belum lagi diumumkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. P RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan **PERDA** dalam pembangunan sosio-ekonomi negeri Pulau Pinang dan menjelaskan mengapakah agensi ini enggan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang DiPertua,

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) adalah merupakan sebuah badan berkanun persekutuan yang diwujudkan di bawah Akta 282, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983. Lembaga ini berfungsi untuk memaju, mengawal, melaksana dan menyelaraskan pembangunan ekonomi, sosial, perumahan, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam

Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

Bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, PERDA telah diberikan peruntukan pembangunan dan mempunyai jentera pelaksanaannya sendiri. Soal PERDA enggan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri adalah tidak benar. Kerjasama, persefahaman dan perbincangan sering diadakan dengan agensi-agensi negeri khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Daerah serta Jabatan Pertanian Negeri dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti di kawasan PERDA untuk menggerakkan ekonomi dan membawa kesejahteraan kepada rakyat Pulau Pinang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan mengikut item-item spesifik untuk perjalanan Pilihan Raya Kecil P036 Kuala Terengganu pada bulan Januari lepas yang perlu ditanggung oleh Kerajaan termasuk kos untuk kerahan 6,000 anggota polis.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi menjalankan pilihan raya Pilihan Raya Kecil P.036 Kuala Terengganu adalah sebanyak RM580 000. Manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi operasi PDRM pula ialah sebanyak RM15.153 juta.

Sekian, terima kasih.

NW-67-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

TARIKH : 23 Februari 2009 (Isnin)

SOALAN : 67

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah keuntungan untuk Malaysia Airports Bhd. Untuk setiap tahun sejak 2000 dan berikan pecahan mengikut negeri. Nyatakan jumlah perbelanjaan baik pembinaan baru atau menaiktarafkan untuk tempoh yang sama. Nyatakan program untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, kosnya dan bila dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan, jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Malaysia Airports Berhad (MAHB) dari operasi lapangan terbang sejak tahun 2000 hingga 2008 mengikut negeri adalah seperti berikut :

- (1) Negeri Sabah keuntungan sebanyak RM 96.1 juta
- (2) Negeri Sarawak keuntungan sebanyak RM 71.8 juta
- (3) Negeri Pulau Pinang keuntungan sebanyak RM 493.3 juta
- (4) Negeri Perak kerugian sebanyak RM 19.7 juta
- (5) Negeri Pahang keuntungan sebanyak RM 10.8 juta
- (6) Negeri Johor kerugian sebanyak RM 2 juta
- (7) Negeri Kelantan kerugian sebanyak RM 15.7 juta
- (8) Negeri Terengganu kerugian sebanyak RM 5.8 juta

- (9) Negeri Selangor keuntungan sebanyak RM 1.5 billion
- (10) Negeri Melaka kerugian sebanyak RM 7.1 juta
- (11) Negeri Kedah keuntungan sebanyak RM 11.5 juta

Jumlah keseluruhan keuntungan yang diperolehi oleh MAHB dari tahun 2000 hingga tahun 2008 adalah sebanyak RM 2.1 billion.

Manakala bagi jumlah perbelanjaan yang telah dibuat bagi Projek Pembinaan Lapangan Terbang Baru atau Menaik Taraf Lapangan Terbang untuk tempoh yang sama oleh Kerajaan adalah sebanyak RM 3.7 billion. Manakala perbelanjaan yang telah dibuat oleh pihak MAHB akan dimaklumkan secara bertulis setelah maklumat tersebut diperolehi dari agensi yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat tentang program menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, sukalah saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan Malaysia Airports mempunyai rancangan mengemukakan cadangan bagi pertimbangan Kerajaan untuk menaik taraf lapangan terbang tersebut dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10). Diantara komponen projek yang akan dipohon di bawah RMKe-10 itu meliputi pemanjangan landasan, tambahan *parking apron*, pembesaran kargo, pembesaran bangunan terminal serta pengasingan aliran penumpang domestik dan antarabangsa. Memandangkan projek tersebut masih lagi di peringkat perancangan awal, maka saya tidak dapat memaklumkan kos serta bilakah ia akan dilaksanakan.

NO: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)
TARIKH : 23.02.2009 (ISNIN)
SOALAN : 68

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan nilai dan peratus kenaikan bahan makan, binaan dan pengangkutan sejak harga bahan api dinaikkan pada bulan Jun 2008 dan berapa banyak barangan / bahan yang dikembalikan harga kepada normal / biasa seperti sebelum Jun 2008

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Semakan harga barangan telah dibuat ke atas 14 barangan makanan bermula dari Mei 2008 iaitu sebelum kenaikan harga bahan petroleum sehingga Disember 2008. Barangan tersebut terdiri daripada 4 barang basah selepas kenaikan harga bahan petroleum, 11 barang makanan telah mengalami peningkatan harga dan peningkatan paling tinggi adalah bagi harga Ayam Standard iaitu meningkat sebanyak 55 sen. Walau Bagaimanapun terdapat 3 barang makanan telah mencatatkan penurunan harga.

Selepas harga diesel diturunkan kepada RM 1.70 dan RM 1.80 untuk petrol pada 16 Disember 2008, sebanyak 7 harga barang makan telah mengalami penurunan antara 3 hingga 84 sen dan sebanyak 7 barangan mengalami kenaikan harga antara 5 sen hingga RM1.44.

Sehingga Disember 2008, selepas sekali kenaikan harga bahan petroleum dan tujuh kali penurunan harga bahan petroleum sehingga RM1.80 / liter bagi petrol dan RM1.70 / liter bagi diesel sebanyak 2 barang makanan di Semenanjung dan Sarawak, 1 barangan makanan di Sabah, 5 barang makanan di Labuan telah kembali ke harga normal seperti sebelum Jun 2008.

Bagi Sektor pengangkutan, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) masih mengekalkan kadar tambang yang diluluskan pada 1 Mei 2005 bagi bas ekspres, bas henti-henti dan teksi. Berlaku kenaikan harga sementara dalam bentuk surcaj sebanyak 30% daripada harga tambang bas dan bas berhenti-henti dibenarkan mulai 15 September 2008 sehingga kini. Bas mini masih menggunakan kadar tambang yang diluluskan pada 1 Julai 2009 tanpa sebarang kenaikan.

Syarikat penerbangan Air Asia pula telah mengumumkan tiada lagi surcaj bahan api dikenakan kepada pelanggan mulai Januari 2009 dan Malaysia Airlines (MAS) juga telah mengurangkan kadar surcaj bagi tiket penerbangan antarabangsa ke destinasi terpilih mula 29 Januari 2009. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) juga masih mengekalkan kadar tambang bagi kedua-dua perkhidmatan keretapi penumpang dan keretapi barang pada harga lama.

Bagi bahan binaan pula, telah berlaku kenaikan harga purata 8 jenis bahan binaan utama, selepas pengumuman kenaikan harga minyak pada 5 Jun 2008. Purata kenaikan harga bahan binaan adalah antara 8% hingga 34%. Peningkatan purata harga binaan utama ini berlaku dalam tempoh 3 bulan iaitu Jun sehingga Ogos 2008.

Selepas penurunan harga minyak terakhir pada 16 Disember 2008 purata harga bahan binaan utama bagi bulan Disember 2008 dan Januari 2009 menunjukkan penurunan harga 4 jenis bahan binaan utama antara 7% hingga 33%. Manakala 4 jenis bahan binaan utama lain meningkat sedikit pada paras yang rendah berbanding harga sebelum kenaikan harga minyak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN TERESA KOK SUH SIM**
TARIKH : **23 FEBRUARI 2009**

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTIH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas tuduhan penyelewengan kewangan yang berlaku di dalam Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Apakah pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada tahun lepas membuka pintu kepada penyelewengan yang lebih besar kepada pergerakan koperasi.

JAWAPAN

Pihak kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah membuat pemeriksaan ke atas Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada 7 - 18 April 2008. Berdasarkan pada laporan tersebut, apa yang berlaku ialah peningkatan perbelanjaan ANGKASA. Suruhanjaya Koperasi Malaysia berpendapat ianya merupakan isu kecekapan pengurusan kewangan ANGKASA yang

sepatutnya ditangani secara dalaman oleh Ahli Jawatankuasa Tadbir dan Pengurusan ANGKASA.

Pandangan atau dawaan bahawa pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada tahun 2008 membuka pintu kepada penyelewengan yang lebih besar dalam gerakan koperasi adalah **tidak berasas**. Sebenarnya tidak ada pindaan yang dibuat terhadap Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan ianya merupakan satu Akta baru yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2008.

Penguatkuasaan Akta tersebut sebaliknya telah dapat mencegah berlakunya penyelewengan. Kesan positif penguatkuasaan Akta telah dapat meyakinkan masyarakat di mana permohonan penubuhan koperasi telah meningkat. Umpamanya sebanyak 5541 buah koperasi telah didaftarkan pada tahun 2008 berbanding 5170 buah koperasi yang didaftarkan pada tahun 2007.

Penyelewengan yang berlaku dalam gerakan koperasi bukanlah disebabkan oleh Akta SKM atau pindaan ke atas Akta Koperasi tetapi adalah disebabkan oleh sikap Ahli Lembaga Koperasi yang tidak mematuhi Undang-undang Koperasi, lain-lain undang-undang negara dan tatacara pelaksanaan aktiviti/perniagaan koperasi. Penyelewengan juga disebabkan kerana sikap tidak amanah, telus, jujur dan lain-lain ciri yang perlu ada dalam diri pemimpin koperasi.

Bagi mengatasi masalah ini, pindaan ke atas Akta Koperasi 1993 telah dilakukan. Di bawah Seksyen 43(2), sesuatu koperasi hendaklah, sebelum perlantikan atau perlantikan semula mana-mana orang sebagai Anggota Lembaga, hendaklah meminta penentusahan daripada

Suruhanjaya sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya. Berdasarkan kepada peruntukan ini, SKM mempunyai kuasa untuk membuat *vetting* ke atas individu yang ingin dicalonkan sebagai Ahli Lembaga Koperasi.

NS = 70

8SJ.B/(41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.02.2009 SOALAN NO: 70

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mencatatkan kerugian kewangan besar RM18 bilion seperti yang dilaporkan dalam surat khabar pada 20 Januari 2009 dan memberi senarai penuh syarikat di mana Khazanah adalah pemegang saham serta jumlah saham yang dipegang oleh Khazanah dalam setiap syarikat tersebut serta jaminan kepada syarikat-syarikat tersebut dan catatan untung atau rugi mereka pada tahun-tahun kewangan 2006 hingga 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyusutan nilai aset tidak boleh disamakan dengan kerugian kewangan kerana nilai tersebut masih belum direalisasikan dan akan hanya dicatat sekiranya Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) melepaskan pegangannya dalam pelaburan-pelaburan tersebut pada masa ini.

2. Oleh itu, kerugian kewangan sebanyak RM18 bilion yang dicatatkan oleh Khazanah seperti yang dilaporkan dalam surat khabar pada 20 Januari 2009 adalah merujuk kepada nilai aset boleh direalisasikan (RAV atau *Realiseable Asset Value*) bagi portfolio pelaburan Khazanah yang telah susut sebanyak RM17.8 bilion daripada RM88.2 bilion pada 31 Mei 2008 kepada RM70.4 bilion pada 31 Disember 2008.

3. Kemerosotan nilai portfolio sebanyak 20.18% ini bukannya kerugian sebenar memandangkan ia adalah kemerosotan nilai saham syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) tersenarai di bawah Khazanah yang secara keseluruhannya berpunca akibat kemerosotan pasaran saham global. Secara dasarnya, kedudukan kewangan syarikat GLC yang dikuasai oleh Khazanah kekal kukuh dengan RAV berbanding liabiliti sebanyak 1.9 kali ganda hasil pengukuhan kedudukan kewangan GLC-GLC berkenaan sejak Program Transformasi GLC dilaksanakan pada tahun 2004.

4. Sebagai pelabur strategik jangka masa sederhana/panjang, Khazanah komited untuk mengekalkan pegangan strategiknya dalam syarikat GLC di bawahnya, khususnya yang berkepentingan nasional dalam usaha untuk memelihara kepentingan syarikat-syarikat ini.

5. Sehingga 31 Disember 2008, Khazanah mempunyai pegangan dalam lebih kurang 50 syarikat, sembilan daripadanya berada dalam kelompok 20 GLC tersenarai terbesar. Pegangan Khazanah dalam sembilan syarikat GLC tersebut adalah seperti berikut:

Syarikat	Pegangan Ekuiti (%)	Jumlah Saham Dipegang
Bumiputera-Commerce Holdings Bhd (BCHB)	28.42	1,002,819,958
Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB)	72.74	800,150,000
Malaysian Airline System Bhd (MAS)	69.33	1,158,609,643
Pos Malaysia Bhd (POS)	32.21	172,997,399
Proton Holdings Bhd (PROTON)	42.74	234,734,693
Telekom Malaysia Bhd (TM)	41.78	1,494,737,173
TM International Bhd (TMI)	44.51	1,670,737,173
Tenaga Nasional Bhd (TNB)	37.81	1,638,474,689
UEM Land Bhd	77.1	1,873,000,000

6. Prestasi kewangan bagi sembilan syarikat GLC yang tersenarai di bawah Khazanah bagi tahun kewangan berakhir 2006 sehingga tahun kewangan berakhir 2008 adalah seperti berikut :

Syarikat	Keuntungan/(Kerugian) Dalam RM '000		
	2006	2007	2008
BCHB	1,504.43	2,793.27	Belum dilapor
MAHB	170.33	288.86	Belum dilapor
MAS	(136.43)	851.42	Belum dilapor
POS	108.23	(33.66)	Belum dilapor
PROTON	46.69	(589.53)	184.55
TM	2,068.80	2,547.70	Belum dilapor
TMI*	-	683.52	Belum dilapor
TNB	2,126.90	4,061.10	2,594.00
UEM World**	128.89	739.38	Belum dilapor

* TMI dipisahkan daripada TM pada tahun 2007.

** Status penyenaian UEM World digantikan dengan UEM Land pada tahun 2008.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)
TARIKH : 23.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah akan dibina sebuah sekolah kluster dengan prasarana yang lengkap dan dapat digunakan oleh semua penduduk di sepanjang Sungai Limbang dan seterusnya menutup 5 buah sekolah di kawasan tersebut yang hanya mempunyai bilangan pelajar yang terlalu kecil dengan keadaan bangunan sekolah yang daif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak membina sekolah kluster, tetapi sekolah-sekolah yang dipilih menjadi sekolah kluster perlu mengikut kriteria-kriteria berikut:

1. Memenuhi kehendak Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) sekurang-kurangnya Taraf Cemerlang
2. Pencapaian akademik
 - (a) Sekolah Menengah
 - i) Sekolah Berasrama Penuh GPS 2.5
 - ii) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama GPS 3.0
 - iii) Sekolah Menengah Teknik GPS 4.0
 - iv) Sekolah Menengah Harian GPS 4.0

(b) Sekolah Rendah

- i) 80% dan ke atas murid lulus semua mata pelajaran dalam UPSR; atau
- ii) Peratus kelulusan menunjukkan peningkatan; atau
- iii) Gred Purata Sekolah: GPS 2

3. Syarat pemilihan

- i) Kecemerlangan murid dalam aspek:
 - a) Akademik
 - b) Kokurikulum
 - c) Sahsiah
- ii) Pengurusan sekolah berwawasan dan berkesan
- iii) Pembangunan sumber terurus dan digunakan secara optimum
- iv) Pemimpin sekolah mengamal kepimpinan berkualiti
- v) Pengurusan pengajaran dan pembelajaran
- vi) Iklim sekolah kondusif untuk pembangunan modal insan
- vii) Keberkesanan pelaksanaan program KPM

KPM tidak bercadang untuk menutup 5 buah sekolah tersebut demi kemudahan anak-anak di kawasan mendapat pendidikan. Namun, jika perlu KPM akan menyalurkan bantuan dengan syarat pihak pengurusan sekolah tersebut membuat permohonan kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

TARIKH : 23 .02.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan kenapakah Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Negeri, institusi-institusi Ketua Kampung dan Penghulu tidak diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang telah diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi.

JAWAPAN :

Tuan Yang dipertua,

Keputusan mengiktiraf Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) adalah untuk memastikan segala program / projek pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut dasar, pendekatan dan agihan peruntukan yang ditetapkan Kerajaan Persekutuan.

Maka yang demikian, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Negeri, Ketua Kampung dan Penghulu boleh terus melaksanakan

tanggungjawab membantu Kerajaan Negeri dalam pembangunan dan pentadbiran kampung mengikut dasar, pendekatan dan agihan peruntukan yang ditetapkan peringkat negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009 (ISNIN)

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BERAPAKAH JUMLAH PINJAMAN DAN FAEDAHNYA YANG MASIH TERTUNGGAK OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA KEPADA KERAJAAN MELALUI PERJANJIAN TOL DAN MENGAPA TIDAK MENAMATKAN PERJANJIAN MEREKA DENGAN ALASAN HUTANG TERSEBUT.

JAWAPAN

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN PINJAMAN MUDAH KEPADA SYARIKAT KONSESI ANTARA LAIN BERTUJUAN UNTUK MENJADIKAN SESUATU PROJEK LEBUHRAYA DI BAWAH PROGRAM PENSWASTAAN LEBIH BERDAYA MAJU. LAZIMNYA KADAR PINJAMAN-PINJAMAN MUDAH KERAJAAN INI ADALAH LEBIH RENDAH DAN INI AKAN MENGURANGKAN 'COST OF FUND' SYARIKAT KONSESI. SELAIN ITU, PINJAMAN TERSEBUT JUGA DIBERIKAN BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN MEMPUNYAI LEBIH 'BARGAINING POWER' SEMASA MERUNDINGKAN TERMA-TERMA DALAM PERJANJIAN KONSESI DENGAN SYARIKAT KONSESI.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT JUGA, KEMUDAHAN PINJAMAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN TERDIRI DARIPADA PINJAMAN MUDAH KERAJAAN (*GOVERNMENT SUPPORT LOAN*) DAN

PENDAHULUAN PENGAMBILAN TANAH (REIMBURSABLE LAND COST). PINJAMAN MUDAH KERAJAAN (GSL) DIBERIKAN UNTUK MEMBIAYAI SEBAHAGIAN DARIPADA KOS PEMBINAAN LEBUHRAYA MANAKALA PENDAHULUAN PENGAMBILAN TANAH (REIMBURSABLE LAND COST (RLC)) ADALAH UNTUK MENAMPUNG KOS PENGAMBILAN TANAH PROJEK LEBUHRAYA.

SEHINGGA 31 DISEMBER 2008, KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN KEMUDAHAN PINJAMAN MUDAH KERAJAAN (GOVERNMENT SUPPORT LOAN) INI KEPADA LAPAN (8) BUAH SYARIKAT KONSESI. JUMLAH PINJAMAN POKOK DAN FAEDAH SEHINGGA TARIKH TERSEBUT ADALAH SEBANYAK RM 3,058.54 JUTA.

BERHUBUNG DENGAN PENDAHULUAN PENGAMBILAN TANAH, SEBANYAK ENAM (6) SYARIKAT KONSESI TELAH MENDAPAT PENDAHULUAN KOS PENGAMBILAN TANAH (REIMBURSABLE LAND COST

**(RLC) DENGAN NILAI PINJAMAN SEBANYAK RM 866.6
JUTA.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,
KERAJAAN TIDAK BOLEH SEWENANG-WENANGNYA
MEMBATALKAN PERJANJIAN KONSESI, TAMBAHAN
PULA SYARIKAT KONSESI BERKENAAN TIDAK
PERNAH MELANGGAR (DEFAULT) APA-APA SYARAT
YANG TERMAKTUB DI DALAM *GOVERNMENT
SUPPORT LOAN AGREEMENT*.**

SOALAN NO: 74

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA]

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1498

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah hasil siasatan rakaman video seks yang melibatkan Timbalan Presiden MCA, Dato' Chua Soi Lek. Mengapakah sehingga sekarang tidak ada sesiapa pun yang didakwa di dalam kes ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Cheras bertarikh 26 Febuari 2009 yang juga bertanyakan soalan yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak polis telah selesai menyiasat kes yang melibatkan Dato' Chua Soi Lek di mana seramai 22 orang saksi telah dipanggil dan dirakam percakapannya termasuk Dato' Chua Soi Lek sendiri. Walau bagaimana pun, berdasarkan kepada siasatan yang telah dijalankan, pihak polis tidak dapat membuat sebarang pengecaman positif berhubung identiti pihak yang bertanggungjawab memasang kamera dan membuat rakaman video seks tersebut. Kertas siasatan yang lengkap telah pun dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan. Walau bagaimanapun, setelah menimbang semua fakta yang dikemukakan, pihak Pendakwaraya pada 28 Ogos 2008 telah membuat keputusan untuk menutup kes ini (NFA).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL HALIM B. AB. RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2009

SOALAN : ~~36~~

Y.Bhg. Dato' Abdul Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan pengurusan kebersihan sungai-sungai yang dikelaskan sebagai sangat tercemar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan pengurusan dan pembersihan sungai-sungai memandangkan ia akan melibatkan kos yang tinggi dan tidak berdaya maju dilaksanakan oleh syarikat swasta. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk pembersihan sungai-sungai yang sangat tercemar, ianya akan dipertimbangkan melalui peruntukkan pembangunan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**
TARIKH : 23.02.2009 (ISNIN)
SOALAN : 76

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah barang keperluan yang harganya telah diturunkan berikutan kejatuhan harga minyak serta nyatakan nama barang-barang tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak 7 kali penurunan harga minyak di pam, pemantauan telah dibuat ke atas 20 barangan keperluan terpilih. Daripada Ogos 2008 hingga Disember 2008 terdapat 20 jenis barangan telah dikenal pasti mengalami penurunan harga. Barang-barang tersebut terdiri daripada barangan basah dan barangan kering yang terdapat di hypermarket, supermarket dan pasar basah di seluruh negara. Hasil pemantauan mendapati barangan yang mengalami peratus penurunan tertinggi ialah tomato sebanyak 24.83%, ayam bersih (standard) sebanyak (15.78%) dan beras super spesial tempatan 5% sebanyak 7.20%. Faktor perubahan harga barangan bukan hanya dipengaruhi dengan perubahan harga minyak di pasaran sahaja tetapi juga dipengaruhi faktor penawaran dan permintaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD. HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

**TARIKH JAWAPAN : 23 FEBRUARI 2009 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 51 77

SOALAN

Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan sejauh mana TNB melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya dalam menyediakan bekalan elektrik kepada penduduk pedalaman dan terpencil yang tidak menguntungkan dari segi perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa prihatin dan peka akan tanggungjawab bagi membekalkan elektrik kepada semua penduduk di Malaysia tanpa mengira keadaan geografi sama ada di bandar atau di luar bandar. Untuk tujuan itu, pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan melalui Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi memastikan setiap penduduk menikmati kemudahan ini.

Pada masa ini penduduk-penduduk di pedalaman yang kediaman mereka terletak jauh daripada talian grid nasional telah dapat menikmati bekalan elektrik yang disalurkan oleh TNB menerusi stesen-stesen janakuasa diesel dan sistem hibrid solar. Projek-projek hibrid solar yang dibina oleh TNB ini di negeri Johor, Kelantan, Terengganu, Perak dan Pahang merangkumi penggunaan teknologi yang berupaya menjana tenaga melalui gabungan tenaga suria, enjin diesel dan bateri. Ianya berfungsi sebagai unit berasingan yang tidak disambungkan ke grid dan berupaya membekalkan elektrik 24 jam sehari. Penggunaan teknologi moden membolehkan ianya dapat dipantau dari jarak jauh dan sesuai dipasang di kawasan-kawasan pedalaman dan pulau-pulau yang terletak jauh dari tanah besar.

Selaras dengan tanggungjawab sosialnya, TNB terus melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan bagi para pelanggannya di kawasan luar bandar

yang terpencil, termasuk di lokasi-lokasi yang hanya boleh dijejaki melalui sungai atau laluan laut. Kos keseluruhan operasi yang ditanggung oleh TNB dalam melaksanakan projek-projek tersebut sudah tentu jauh lebih tinggi berbanding kos untuk menyalurkan elektrik kepada penduduk di bandar. Walaupun begitu, kadar elektrik yang dikenakan kepada pengguna-pengguna di luar bandar ini tetap sama seperti pengguna-pengguna di bandar dan ini sebenarnya tidak memberi sebarang pulangan kepada TNB.

Selain dari itu, TNB juga terlibat secara aktif di dalam projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang dikendalikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi memastikan bekalan elektrik dapat disalurkan ke kawasan luar bandar yang dikenali pasti belum menikmati kemudahan tersebut. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 50 projek BELB yang melibatkan pembekalan elektrik kepada 1,026 buah rumah telah dapat disiapkan. Menerusi projek BELB ini, sehingga kini TNB telah berjaya membekalkan elektrik 99.9% ke kawasan berpenduduk berbanding 30% pada tahun 1957.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selain daripada projek BELB, TNB juga bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan lampu jalan kepada pengguna di kawasan luar bandar menerusi Skim Lampu Jalan Individu pada kadar tarif yang amat rendah iaitu 15.5 sen/kWh dan Projek Lampu Jalan Kampung (LJK) yang telah memasuki Fasa 4 pelaksanaannya. Fasa 4 LJK ini merangkumi pemasangan sebanyak 4,907 unit lampu jalan yang melibatkan kos RM 2.5 juta sebagai tambahan kepada 124,051 unit dengan kos RM 46.1 juta yang telah siap dipasang.*

No: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan
DARIPADA : Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib
[Langkawi]
TARIKH : 23 Februari 2009 (Isnin)
SOALAN : 78

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan pelabuhan Kuala Kedah dan Kuala Perlis sebagai "Gateway" atau pintu masuk pelancong ke Langkawi; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk mendalam sungai-sungai Perlis dan Kedah atau mengubah pelabuhan yang ada sekarang ke tempat lain untuk keselesaan penumpang

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia telah dan sedang melaksanakan beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan infrastruktur sedia ada di

Kuala Kedah dan Kuala Perlis untuk meningkatkan peranan kedua-duanya sebagai "Gateway" atau pintu masuk pelancong ke Langkawi .

Jeti Penumpang Kuala Kedah telah siap dibaiki dan ditingkatkan pada bulan April 2005 dengan kos sebanyak RM5.65 juta. Projek tersebut melibatkan menaiktaraf bangunan terminal dan memanjangkan lagi jeti sedia ada. Untuk Jeti Penumpang di Kuala Perlis, kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf jeti sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan April 2009 dengan kos sebanyak RM4.57 juta.

Berkenaan dengan kerja-kerja mendalamkan sungai-sungai di lokasi terbabit, Jabatan Laut telah siap menjalankan kerja-kerja pengerukan di Kuala Perlis pada bulan Julai 2007 dengan kos sebanyak RM31.5 juta. Manakala di Kuala Kedah, kerja-kerja pengerukan telah siap dijalankan pada bulan Februari 2008 dengan kos sebanyak RM26.02 juta. Jabatan Laut sentiasa memantau keperluan pengerukan di jeti-jeti tersebut untuk memastikan bahawa alur-alur pelayaran selamat dilalui.

Pada ketika ini, Kementerian Pengangkutan tiada perancangan untuk mengubah lokasi pelabuhan sedia ada di Kuala Kedah dan Kuala Perlis ke tempat lain.